



AKTIVITI berbasikal yang kini semakin menjadi trend rakyat Malaysia menimbulkan polemik oleh pelbagai pihak. Ada yang menyokong, tidak kurang juga yang mengkritik. Statistik jumlah kes kemalangan basikal di seluruh negara menunjukkan 56 kematian pada Januari hingga Oktober 2020. Ketua Polis Melaka turut menasihatkan penggemar sukan itu mengehadkan aktiviti berkenaan terutamanya di laluan utama pada waktu puncak. • Lihat berita penuh di muka 2 & 3

Foto MR. Azli

# BOLEH BERBASIKAL KALAU...



**SMART A+**  
SPM KERTAS MELAYU 1119 KERTAS 1

RUMUS 'PSTK 1621'  
PANDUAN MENULIS  
RUMUSAN



MUKA 15


Peniaga pantai peranginan  
kembali bernafas **MUKA 10**



**Eksklusif MHI**

**MELDIC**  
MAJLIS DIGITAL NEGERI MELAKA

**MELDIC pacu  
ekonomi digital**  
**MUKA 5**





# Minat atau trend?

KLEBANG - Aktiviti berbasikal tiba-tiba sahaja menjadi fenomena di seluruh negara apabila orang ramai dilihat mula berebut-rebut menjadikan aktiviti berkenaan sebagai hobi.

Tidak dinafikan, berbasikal sememangnya satu aktiviti yang sihat untuk dilakukan bersama, namun malangnya, pelbagai kontroversi kini terpalit kepada penggemar sukan berkenaan.

Manakan tidak, satu demi satu rakaman video tular mula di muat naik di laman sosial berhubung salah laku penggemar sukan berkenaan.

Dalam beberapa video yang dikongsikan jelas melihat penunggang basikal seolah-olah menjadi 'raja' di atas jalan raya dan melakukan aktiviti tunggangan secara berbahaya, malah ada yang hampir menjadi mangsa kemalangan akibat mengabaikan faktor keselamatan.

Persoalannya, adakah berbasikal hanya sekadar trend atau ia sememangnya aktiviti sihat yang semakin diminati rakyat khususnya di negeri Melaka?

Trend berbasikal yang kini menjadi kegiatan turut mendapat perhatian jurulatih skuad berbasikal negeri Melaka, Mustafa Ahmad, 52.

Mustafa yang memiliki sebuah bengkel basikal di Klebang bersetuju aktiviti berbasikal merupakan antara aktiviti sihat yang boleh dilakukan.

Namun, dia melihat trend yang sudah meningkat naik itu seolah-olah sudah lari dari matlamat asal apabila mula timbul golongan yang cuba bermegah-megah dan seolah-olah cuba menunjukkan kehebatan di atas jalan raya.

"Sebab segelintir orang seperti inilah, habis terpalit semua nama peminat dan penunggang motosikal. Memang saya terasa juga lah, sebab saya sudah berbasikal sejak tahun 1982 lagi.


"Kebanyakan orang-orang baru ini cuba naik menunjukkan basikal mereka mahal dan hanya menjadikan aktiviti tersebut sebagai satu kemegahan dalam hidup mereka.

"Ada yang saya lihat berbasikal tak pakai helmet dan ada juga yang suka bersempang di atas jalan raya. Bila kena lenggar atau kena hon, tahu pula marah dan salahkan orang lain," katanya.

Justeru, Mustafa yang juga bekas atlet lumba basikal Melaka menitipkan pesanan agar penunggang-penunggang baharu sentiasa mengikut peraturan ketika berbasikal dan menitik beratkan aspek keselamatan walaupun di mana berada.

"Kalau boleh, belajarlah dahulu daripada mereka yang berpengalaman. Jangan cuba untuk beraneka diri untuk berkayuh dalam jarak yang jauh dan di lokasi berbahaya sekiranya ilmu masih ceteck."

"Saya jarang mengesyorkan anak buah saya berbasikal pada waktu malam. Tetapi jika mahu ubah angin pada waktu malam sekali pun, saya akan menyediakan dua buah motosikal untuk



MUHAMMAD Sufyan

'escort' dan mewajibkan penggunaan jaket pantul cahaya kepada semua penunggang.

"Bagi saya aspek paling penting dalam aktiviti ini ialah disiplin. Kalau tiada disiplin, baik lupukan sahaja niat untuk berbasikal kerana bukan sahaja mendatangkan bahaya kepada diri sendiri, bahkan orang lain juga," tegasnya.

Sementara itu, bagi anak jati Merlimau, Muhammad Sufyan Maridan, 28, aktiviti berbasikal merupakan antara aktiviti yang diminati bersama keluarga untuk dilakukannya pada masa lapang.

Kebiasaannya dia berkata, aktiviti tersebut dilakukan pada hari cuti atau ketika hujung minggu dan hanya berbasikal di kawasan-kawasan kampung di sekitar Merlimau dan Pantai Siring.

Menurutnya, pemilihan lokasi luar bandar itu adalah kerana menyedari wujudnya bahaya apabila berbasikal di lebuh raya dan kawasan yang sesak seperti di Bandaraya Melaka dan Banda Hilir.

"Kita sedar bahaya itu ada di mana-mana. Sebab itulah, bila meminati aktiviti berbasikal, kita kena sentiasa menitik beratkan soal keselamatan.

"Selain mengelak lokasi sesak dan bahaya, kami juga sentiasa memakai helmet, memakai pakaian terang, menyediakan peralatan sampingan dan sentiasa waspadai dengan keadaan sekeliling.

"Paling utama ialah, tidak mengayuh dalam barisan yang banyak dan kebiasaannya sebelum melakukan kayuhan, kami akan memastikan tidur dan rehat mencukupi untuk mengelakkan berlakunya 'bonk,'" katanya kepada Melaka Hari Ini.

Berbeza pula bagi Muhammad Nur Asyraf Mohd Zaini, 17, dari Bukit Rambai yang mengaku baru sahaja berjirin-jiran dengan aktiviti berbasikal setelah 'diracun' rakan-rakan.

Menurutnya, kebiasaan, aktiviti tersebut dijalankan bersama kumpulan yang ramai dan sering menjadikan kawasan

bandar sebagai lokasi 'checkpoint'.

"Biasanya bergerak ramai ini kita lebih yakin. Terutama bila ada ketua yang boleh beri tunjuk ajar sepanjang melakukan aktiviti itu. Dari situ kita akan banyak belajar.

"Tapi, saya akui sedikit sebanyak timbul juga rasa takut sepanjang berbasikal kerana jalan yang kita lalui, turut dilalui kenderaan-kenderaan lain. Jadi, soal keselamatan itu memang menjadi aspek utama perlu dipatuhi," katanya.



AKTIVITI berbasikal yang kini menjadi trend di Melaka terutama di kawasan-kawasan pelancongan.

Faiz hasan

AYER KEROH - Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengingatkan penunggang basikal yang menggunakan trek laluan jalan utama di negeri ini agar menitikberatkan keselamatan terutama ketika berada di jalan raya.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali turut menasihatkan peminat sukan basikal itu agar tidak melaksanakan aktiviti terbaik selepas jam 12 tengah malam yang hanya meningkatkan risiko kemalangan.

Abdul Majid turut menasihatkan penggemar sukan itu agar mengelakkan aktiviti berkenaan pada waktu punca yang melibatkan laluan utama.

"Walaupun, setakat ini tiada laporan berhubung kemalangan jalan raya membabitkan pengguna basikal di negeri ini, semua penunggang perlu menitikberatkan keselamatan ketika berada di jalan raya.

Menurutnya sebanyak 56 kes penunggang basikal maut dalam kemalangan direkodkan dalam tempoh Januari hingga Oktober lalu di negara ini.

Ujarnya, dalam tempoh terbabit, sebanyak 18 kes penunggang basikal cedera parah dan 63 cedera ringan akibat kemalangan.

"Statistik kemalangan penunggang basikal pada tahun lalu pula merekodkan sebanyak 201 kes melibatkan 107 kematian, 35 cedera parah dan 59 cedera ringan," katanya.



ABDUL Majid



STATISTIK KEMALANGAN MEMBABITKAN BASIKAL MALAYSIA

201 KES 107 Kematian  
2019 35 Cedera parah  
59 Cedera ringan

137 KES 56 Kematian  
JAN-OKT 2020 18 Cedera parah  
63 Cedera ringan



ANTARA koleksi tular di media sosial mengenai keranjang penunggang basikal yang mencetuskan kemarahan netizen.

1.1K 494 comments 87 shares

## PBT perlu wujudkan kawasan khas berbasikal

**Farah Suhaidah Othman**


mereka menjalani aktiviti riadah itu.

"Memandangkan Melaka adalah negeri pelancongan dan pembangunannya tidak terlalu padat berbanding di Kuala Lumpur, PBT di negeri itu boleh menyediakan laluan khas di sekitar kawasan pelancongan seperti di sepanjang laluan Sungai Melaka," katanya ketika dihujung bulan baru-baru ini.

Bagaimanapun, sejak kebelakangan ini aktiviti riadah itu menjadi isu panas apabila penggemar sukan berbasikal membahayakan keselamatan diri sendiri dan pengguna jalan raya lain apabila menggunakan laluan motosikal sebagai laluan untuk berbasikal.

Ketika diminta mengenai perkara itu, Lam Thye berkata, cadangan untuk mewujudkan laluan khas di lebuh raya atau jalan raya bagaimanapun perlu kajian terperinci melibatkan faktor kesesuaian dan keselesaan serta keselamatan pengguna itu sendiri.

"Lebih 65 peratus atau kira-kira 6,000 hingga 7,000 mangsa kemalangan membabitkan penunggang dan pemborong motosikal setiap tahun, jadi apabila pengguna basikal menggunakan lorong motosikal sebagai laluan aktiviti mereka, ia memberi ancaman kepada



LEE Lam Thye

kedua-dua pengguna kenderaan itu.

"Pengguna basikal dan penunggang motosikal sama sekali tidak boleh dicampur, ia sepatutnya yang perlu dielakkan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, pengguna basikal di negara ini sekadar menjadikan aktiviti itu sebagai sukan berbanding negara lain yang menjadikan basikal sebagai pengangkutan untuk mereka pergi ke tempat kerja.

Jelasnya, mengambil contoh beberapa negara Barat seperti di Copenhagen, Denmark negara itu menyediakan laluan khas basikal kerana ada di antara rakyatnya yang menggunakan basikal sebagai pengangkutan.

"Di Korea Selatan, memang kerajaan mereka mewujudkan lorong basikal di sepanjang Sungai Han berhampiran lebuh raya dari Lapangan Terbang Incheon ke Bandar Seoul kerana masyarakat di sana menggunakan basikal sebagai pengangkutan.

"Berbeza di negara kita, kerana masyarakat kita masih kurang kesedaran sivil dan disiplin tinggi mengenai keselamatan jalan raya, selain itu kita tidak cukup kuat dari segi peruntukan awam terhadap keselamatan jalan raya," katanya.

## MPHTJ tambah laluan basikal

**Liana Sahabudin**

MAJLIS Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dalam perancangan menambah laluan basikal di bawah kawasan pentadbirannya bermula Januari 2021.

Yang Dipertua, Datuk Shadan Othman berkata, laluan itu melibatkan Taman Tasik hingga Re-forestacion Sungai Putat sejauh dua kilometer.

"Laluan basikal yang baharu ini tidak melibatkan jalan besar, pengayuh basikal akan melalui kawasan dalam dari Taman Tasik hingga ke Sungai Putat.

"Di Korea Selatan, memang kerajaan mereka mewujudkan lorong basikal di sepanjang Sungai Han berhampiran lebuh raya dari Lapangan Terbang Incheon ke Bandar Seoul kerana masyarakat di sana menggunakan basikal sebagai pengangkutan.

"Kerja-kerja menyiapkan laluan basikal ini membabitkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan MPHTJ sendiri," katanya kepada MHI.

"Ini semua dalam perancangan dan kita jangkakan kerja-kerja membuat laluan bermula Januari tahun depan.

"Bila ada laluan ini, mereka yang gemar jogging' dan rekreasi bersama keluarga pun boleh gunakan peluang yang ada," katanya lagi.



SHADAN

## Utamakan keselamatan dan disiplin

**Saliawati Salberi**

PEMINAT aktiviti sukan berbasikal diingatkan agar mengutamakan keselamatan dan berdisiplin ketika berkayuh di jalan raya selain jangan sesekali melakukan tindakan yang boleh mengganggu ketenteraan awam.

Setiausaha Persatuan Berbasikal Negeri Melaka Ibrahim Mustapha berkata, sukan berbasikal yang kini menjadi trend dalam kalangan masyarakat adalah budaya baik terutamanya untuk kesihatan namun mereka yang terbabit perlu memastikan kedua-dua pihak berada dalam keadaan selamat.

"Tidak salah untuk melakukannya aktiviti berbasikal tetapi mereka diingatkan agar menutup keselamatan dan berdisiplin. Elakkan laluan yang sesak dan waktu kemuncak di mana kenderaan melalui kawasan," katanya.

Beliau berkata, sifat timbang rasa juga perlu antara penunggang basikal dan pengguna jalan raya yang lain bagi memastikan kedua-dua pihak berada dalam keadaan selamat.

"Bagaimanapun kalau hendak lebih selamat, taman rekreasi adalah tempat paling selamat untuk berkayuh dengan 'mencilok' dan berada

di tengah-tengah laluan kerana ia bukan sahaja mengundang bahaya kepada diri sendiri malah pengguna jalan raya yang sesak.

"Masing-masing perlu ada pertimbangan, sekiranya penunggang basikal masih berdegil walaupun sudah diberikan nasihat mungkin pihak berkuasa boleh mengambil tindakan," katanya.

Mengulas lanjut Ibrahim berkata, bagi pelumba basikal dibawah persatuan, sesi latihan mereka sentiasa dipantau serta diambil jurnal sekiranya mengalami kerosakan.

"Beliau berkata, sifat timbang rasa juga perlu antara penunggang basikal dan pengguna jalan raya yang lain bagi memastikan keselamatan mereka," katanya.

"Di persatuan kami nasihatkan pelumba untuk mengadakan latihan pada waktu siang, bukan dilalui yang sesak serta perlu ditemani oleh jurulatih ini bagi memastikan keselamatan mereka," katanya.

Sedia khidmat bas pelancongan elektrik

# Panorama, WSH Automotive meterai perjanjian

AYER KEROH - Kerajaan Negeri Melaka menerusi anak syarikatnya, Panorama Melaka Sdn Bhd telah memeterai perjanjian kerjasama dengan WSH Automotive Sdn Bhd melibatkan penyediaan khidmat bas pelancongan elektrik yang ditandatangani di Langkawi pada 17 Disember lepas.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata ia sebagai peristiwa yang bersejarah kerana perkembangan bas tersebut menawarkan penggunaan teknologi dengan menyediakan 'Virtual Augmented Reality Goggle' untuk para pelancong, jadual 'drop off', 'hop on' di kesemua lokasi pelancongan di



WAN Hong menyampaikan cenderamata kepada Sulaiman sejurus selesai majlis tersebut.

Melaka.

"Alhamdulillah, hari ini (17 Disember 2020) mencatat sejarah yang bakal menggantikan

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN USAHAMA BAS PELANCONGAN SINGGAH-SINGGAH DI ANTARA PANORAMA MELAKA SDN BHD. DAN WSH AUTOMOTIVE SDN BHD.

TARikh: 17 DISEMBER 2020

JUBIY VILLA BEACH & SPA LANGKAWI

dunia di mana Kerajaan - Melaka melalui anak syarikatnya, Panorama Melaka Sdn Bhd telah memeterai perjanjian

kerjasama untuk menyediakan khidmat bas pelancongan elektrik, dipanggil bas singgah-singgah yang akan membawa

pelancong serta rakyat Melaka meronda di lokasi menarik di negeri bersejarah ini.

"Lebih canggih, bas singgah-singgah ini juga membekalkan 'Virtual Augmented Reality Goggle' untuk para pelancong, dengan jadual 'drop off and hop on' di kesemua lokasi pelancongan di Melaka," katanya menerusi kenyataan di Facebook rasminya baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan, Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri Melaka merangkap Pengurus Lembaga Pengarah Panorama Melaka Sdn Bhd, Datuk Roslan Ahmad, Timba-

lan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan), Datuk Salhah Salleh, Pengerusi WSH Automotive Sdn Bhd, Datuk Quek Wan Hong dan Ketua Pegawai Eksekutif WSH Automotive Sdn Bhd, Mejar (B) Chan Chee Sin.

Jelasnya, menjelang Mac 2021 sejumlah lapan unit bas dijangka beroperasi dengan menyaksikan bakal melibatkan lapan fasa destinasi pelancongan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM20 juta.

Selain itu, kerajaan negeri menjangkakan perkembangan bas elektrik singgah-singgah ini bakal dinikmati oleh lebih kurang 290,000 warganegara Malaysia setahun.

## Melaka yakin capai 5.6 juta pelancong

**Farah Suhaidah Othman**

AYER KEROH - Pembukaan semula pintu Melaka apabila pergerakan merentas negeri dibuka pada 7 Disember lalu membantu merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menarik seramai 5.6 juta pelancong menjelang akhir bulan ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata seramai 3.6 juta pelancong direkodkan sehingga Jun lalu dan jumlah itu dijangka meningkat apabila Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKP) ditamatkan awal pada 21 November lalu.

Katanya, tahun lalu kerajaan

negeri mencapai sasaran seramai 20 juta pelancong pada tahun 2020, namun berikutan pandemik COVID-19 melanda dunia, sasaran itu terpaksa dikaji semula.

"Tahun lalu, kita mencatatkan jumlah pelancong seramai 18.7 juta berbanding sasaran kita iaitu seramai 19 juta, manakala tahun ini pula, kita mensasarkan seramai 20 juta pelancong ke Melaka, namun terpaksa dipindah kerana kekangan penularan wabak COVID-19 yang bermula sejak awal tahun lalu.

"Sehubungan itu, kita hanya meletakkan sasaran seramai 5.6 juta pelancong ke Melaka tahun ini dan saya yakin jumlah itu akan dapat di-

capai menjelang akhir bulan ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan sumbangan Hari Krismas kepada 140 penganut Kristian di Dewan Seri Bendahara, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri, Datuk Wira Latipah Omar; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor, Datuk Nor Azman Hasan, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri, Burhanuddin Bachik dan Timbalan Ketua Polis negeri, Datuk Shahrul Lalli Masduki.



KEDATANGAN semula pelancong ke negeri ini kembali membuka ruang ekonomi di kalangan peniaga melibatkan sektor pelancongan.

## 300 penganut Kristian terima 'hadiyah' Krismas

SERAMAI 300 penganut Kristian menerima sumbangan sempena sambutan Hari Natal membabitkan peruntukan sebanyak RM60,000 bagi membuat persiapan meraikan perayaan itu 25 Disember ini.

Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md Ali berkata,

sumbangan itu diagihkan bagi meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan untuk meraikan perayaan Hari Natal dengan lebih bermakna.

"Kita agihkan bantuan perayaan kepada 140 orang penerima kawasan Melaka Te-

ngah dan selebihnya 160 penerima akan diagihkan sumbangan mengikut daerah masing-masing iaitu di Daerah Jasin dan Alor Gajah pada 22 Disember nanti.

"Saya percaya, ini merupakan inisiatif yang holistik dan langkah proaktif bagi

terus menyalurkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan lebih-lebih lagi bagi mereka yang ingin menyambut perayaan Krismas kali ini," katanya.

Bagi Adrianette Tessensohn, 39 berkata, sumbangan yang diberikan sedikit sebanyak membantu persiapan dirinya dan tiga anak meraikan perayaan Krismas meskipun sambutan tidak semeriah

tahun terdahulu.

"Tahun ini, segala-galanya berbeza dengan saya sendiri tidak mempunyai pekerjaan tetap ketika negara sedang bergelut menghadapi cabaran COVID-19.

"Bagaimanapun, saya cukup bertuah kerajaan negeri di bawah pimpinan Datuk Seri (Sulaiman) prihatin dengan nasib rakyat seperti saya," katanya.

Sementara itu, Ratha Raju, 48, berkata, sumbangan yang diberikan cukup bermakna kepada keluarganya kerana dapat melakukan sedikit persiapan meskipun sambutan diadakan dalam norma baharu.

"Sumbangan yang diterima bolehlah membantu kami sedikit untuk membuat persiapan apa yang patut menjelang Krismas," katanya.



SULAIMAN menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima sambil disaksikan Latipah (kiri) pada Majlis Penyampaian Sumbangan Krismas, di Dewan Seri Bendahara, baru-baru ini.

### WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21 DISEMBER 2020	5.56 am	7.10 am	1.12 pm	4.35 pm	7.10 pm	8.25 pm
22 DISEMBER 2020	5.57 am	7.11 am	1.12 pm	4.36 pm	7.11 pm	8.26 pm
23 DISEMBER 2020	5.57 am	7.11 am	1.13 pm	4.36 pm	7.11 pm	8.26 pm
24 DISEMBER 2020	5.58 am	7.12 am	1.13 pm	4.37 pm	7.12 pm	8.27 pm
25 DISEMBER 2020	5.58 am	7.12 am	1.14 pm	4.37 pm	7.12 pm	8.27 pm
26 DISEMBER 2020	5.59 am	7.13 am	1.14 pm	4.38 pm	7.13 pm	8.28 pm
27 DISEMBER 2020	5.59 am	7.13 am	1.15 pm	4.38 pm	7.13 pm	8.28 pm

# MELDIC pacu ekonomi digital

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Penubuhan Majlis Digital Negeri Melaka (MELDIC) bertujuan membangunkan ekonomi berteraskan digital bagi memperkuatkan infrastruktur digital di negeri ini.

Ketua Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Negeri, Shamsudin Sharif berkata, dilancarkan 4 November lalu MELDIC memberi keutamaan menyelaras inisiatif digital kerajaan Melaka dan kerajaan Persekutuan.

"MELDIC ditubuhkan sejajar dengan polisi yang dilaksanakan di peringkat Persekutuan pada 29 Ogos 2020 iaitu Pelan Jalinan Digital Negara (Jendela).

"Ini bagi pembangunan ekonomi digital yang bersifat inklusif dan mengambil kira potensi revolusi industri IR4.0 antara kerajaan dengan pihak-pihak yang berkepentingan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada MHI di pejabatnya di Seri Negeri, baru-baru ini.

Jelasnya, MELDIC secara tidak langsung mewujudkan peluang pendapatan dalam kalangan rakyat di negeri Melaka khususnya aspek digital.

"Terdapat lapan fungsi dan peranan MELDIC antaranya, membangun



SHAMSUDIN

garis panduan perancangan infrastruktur digital negeri, membangun pelan infrastruktur teknologi digital yang berdaya tahan.

"Merancang strategi menarik pelabur dalam sektor ekonomi digital, mel-

onjak program ekonomi digital untuk kesejahteraan rakyat, martabat inisiatif digital Melaka (Smart Melaka, Big Data Melaka, e-Commerce, keusahawanan digital, aplikasi pintar dan kandungan digital serta IR4.0)," katanya.

## Lima kluster bantu teras digital Melaka

MESYUARAT MELDIC bersetuju menambah Melaka Waterfront Economic Zone (M-Wez) sebagai kluster koridor ekonomi baharu.

Shamsudin Sharif berkata, kluster baharu itu berdasarkan kepada pemantapan serta pengukuhan infrastruktur digital yang mempunyai jalur lebar (WiFi) 4G dan 5G.

"Kita setuju untuk menambah satu lagi kluster yang kita namakan sebagai kluster M-Wez ataupun kluster koridor ekonomi sebab ia merupakan satu keutamaan di peringkat kerajaan negeri.

"Kita ingin bangunkan koridor ini berdasarkan kepada pemantapan serta pengukuhan infrastruktur digital itu sendiri menerusi jalur lebar WiFi 4G dan 5G," katanya.

## Infrastruktur telekomunikasi akan diperkuatkan

RENTETAN mesyuarat MELDIC yang pertama pada 14 Disember lepas, Melaka ICT Holdings Sdn. Bhd. (MICTH) merupakan salah satu daripada 15 Ahli Jawatankuasa Majlis tetap, yang menasikkan peranan memperkuatkan infrastruktur telekomunikasi di negeri ini bagi fasa pertama.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MICTH, Dr. Nazdiana Ad. Wahab berkata, langkah fasa pertama tersebut amat penting dalam memastikan agenda digitalisasi dapat dibangunkan segera.

"Peranan MICTH fasa pertama dalam MELDIC adalah untuk perkukuhkan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Melaka supaya dapat menyokong agenda digitalisasi.

"Kita kena rancang dan menyelaras semula pembangunan telekomunikasi



ini menggunakan pelan utama, pelan ini kita akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dari segi nasihat," katanya.

Tambahnya, MICTH telah menepati tujuh lokasi baharu kawasan luar bandar untuk dibangunkan infrastruktur telekomunikasi menjelang pertengahan 2021.

"Kawasan perkampungan Orang Asli antara tujuh lokasi yang ditumpukan menerusi rancangan itu tahun depan.

"Kalau sebelum ini kita banyak bina infrastruktur telekomunikasi di bandar

dan kawasan baru, tetapi kali ini kita fokuskan kepada kawasan luar bandar.

"Kita akan kerjasama dengan syarikat telekomunikasi untuk memajukan tujuh lokasi tersebut termasuk kampung Orang Asli dan lain-lain," katanya.

Tambahnya, MICTH kini lebih proaktif dengan memberikan cadangan kepada syarikat telekomunikasi bagi pemasangan infrastruktur telekomunikasi.

"Dulu MICTH hanya tunggu permintaan untuk sediakan infrastruktur telekomunikasi, sekarang kita yang cadangkan kepada syarikat telekomunikasi.

"Dari segi telekomunikasi kita kena rancang, ada dua satu untuk talian tetap dan satu talian mudah alih," katanya lagi.



MAJLIS DIGITAL NEGERI MELAKA

MELDIC  
MAJLIS DIGITAL NEGERI MELAKA

### KEAHLIAN MAJLIS

DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD. ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
PENGERUSI

Datuk Seri Dr. Hasim Hasan  
Setiausaha Kerajaan  
Negeri Melaka

Datuk Seri Abdul Ghafar Atan  
EXCO Perumahan,Kerajaan  
Tempatan, Alam Sekitar

Datuk Zaidi Johairi  
Pegawai Kewangan Negeri

Datuk Mohamad Abazafree Mohd Abbas  
Penasihat Undang-Undang  
Negeri

Datuk Salihah Salleh  
Timbalan Setiausaha  
Kerajaan (Pembangunan)

Datuk Maslina Bakri  
Timbalan Setiausaha  
Kerajaan (Pengurusan)

Pengarah  
Pejabat Tanah dan  
Galian Melaka (PTG)

Mohd Yusof Abu Bakar  
Ketua Pegawai Eksekutif M-WEZ

Ketua Pegawai Eksekutif  
Melaka ICT Holding Sdn Bhd  
(MICTH)

Muhammad Luqman Ali  
Pengarah, Pejabat Negeri  
Melaka Suruhanjaya  
Komunikasi & Multimedia  
Malaysia

Dr. Suhana Md Saleh  
Pengarah Bahagian  
K-Ekonomi Unit Perancang  
Ekonomi, Jabatan Perdana  
Menteri

Datuk Seri Dr. Md Zabid  
Abdul Rashid  
Yayasan Pendidikan Tun Abdul  
Razak (PINTAR)

Dr. Shamsaini Shamsuddin  
Ketua Pengarah  
PLAN Malaysia

Siti Salmiah Dimyati  
Kementerian Sains  
Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

### PERANAN DAN FUNGI

- Membangun garis panduan bagi perancangan infrastruktur digital negeri Melaka.**
- Membangun pelan infrastruktur teknologi digital yang kukuh dan berdaya tahan.**
- Merancang strategi yang sesuai untuk menarik pelabur dalam sektor ekonomi digital.**
- Melonjakan program pembangunan ekonomi digital untuk kesejahteraan rakyat.**
- Memartabat inisiatif digital Melaka yang berimpak tinggi seperti Smart Melaka, Big Data Melaka, e Commerce, keusahawanaan digital, aplikasi pintar dan kandungan digital serta IR4.0.**
- Khidmat nasihat teknikal dalam dasar dan polisi pembangunan infrastruktur digital dan teknologi.**
- Menentukan halatuju dan Way Forward digitalisasi Melaka.**
- Merangka dan merancang pembangunan digital negeri Melaka bagi jangka pendek, sederhana & panjang.**

# Sidang sebagai benteng warisan adat dan budaya Melayu

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA - Sidang di negeri ini bukan setakat lengkap sistem pentadbiran kerajaan, malah yang lebih utama ialah benteng warisan adat dan budaya Melayu yang harus dipertahankan.

Seni dalam budaya dan adat Melayu yang dijunjung oleh pemimpin masyarakat di peringkat akar umbi itu harus diperturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain bagi memastikan ia tidak luput ditelan zaman.

Menegaskan perkara itu, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, sistem pentadbiran negara dari peringkat Persekutuan hingga kerajaan negeri akhirnya berada di tangan Sidang sebagai pihak yang bertanggungjawab memelihara seni,

budaya dan adat Melayu.

“Sidang adalah benteng seni, budaya dan adat Melayu kita sejak zaman berzaman dan ia harus diperturunkan dari generasi sekarang kepada yang akan datang.

“Bagaimana kita boleh memastikan perjuangan kita untuk mempertahankan kuala, agama, seni, budaya dan adat kita boleh diwariskan kepada anak cucu kita?” katanya ketika berucap pada majlis Ramah Mesra Bersama Pemimpin peringkat DUN Tanjung Bidara, di Kompleks al-Khawarizmi, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara, Datuk Md Rawi Mahmud dan 11 Sidang dalam DUN berkenaan, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) DUN

serta Pengurus Masjid/Surau dalam DUN berkenaan.

Seramai 11 Sidang menerima watikah pelantikan daripada Rauf manakala Pengurus JP KK menerima poster normal hidup baharu berkaitan pandemik COVID-19 dan pengurus masjid/surau menerima sumbangan.

Beliau mengingatkan pemimpin akar umbi, termasuk Sidang dan Pengurus JP KK supaya sentiasa peka terhadap aspek pembangunan dan keperluan anggota komuniti dan bertindak segera mengemukakan masalah mereka kepada ADUN.

Katanya, walaupun kemajuan dan pembangunan fizikal di kampung masing-masing harus terus dilaksanakan, aspek seni, budaya dan adat tidak harus dilupakan, sebaliknya ia harus dipertahankan dengan semangat jitu.



AB Rauf menyampaikan watikah pelantikan kepada salah seorang Sidang pada program Ramah Mesra Bersama Pemimpin peringkat DUN Tanjung Bidara di Kompleks al-Khawarizmi, Tanjung Bidara, baru-baru ini.

Sehubungan itu, beliau meminta Sidang bekerjasama secara erat dengan JP KK dan

pihak pengurusan masjid bagi memastikan segala masalah di kampung mampu diatasi, se-

kali gus memelihara perpaduan sesama anggota komuniti.

## Mohamad Ali dimasyhur sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara

KUALA LUMPUR – Senator Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad dimasyhur sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara pada 16 Disember lepas.

Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Melaka Mohamad Ali, 56, merupakan calon tunggal yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Terdahulu, usul pencalonan Mohamad Ali dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Datuk Takiuddin Hassan yang mewakili Perdana Menteri mengikut Peraturan Mesyuarat 5 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Usul itu disokong Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) Datuk Shabudin

Yahaya.

Pemilihan Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara yang baharu itu adalah bagi menggantikan Datuk Seri Abdul Halim Abd Samad yang tamat penggal perkhidmatan pada 22 November lepas.

Usul pencalonan Mohamad Ali pada awalnya dibantah Senator Laksamana Pertama (B) Mohamad

Imran Abd Hamid yang bangun menggunakan Peraturan Mesyuarat 2, mempertikaikan mengapa Perdana Menteri yang bukan merupakan Ahli Dewan Negara mengekalkan pencalonan itu.

Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Dr Rais Yatim memaklumkan isu sama pernah dibangkitkan sebelum ini semasa pencalonan beliau sebagai calon Yang Dipertua Dewan Negara pada persidangan lepas.

“Barang siapa yang mengemukakan pencalonan sama ada oleh Perdana Menteri sebagai Ketua Majlis atau seorang Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat, maka ia dianggap layak mengemukakan pencalonan, maka usul ini diterima pakai sebagai sah.

“Maka pandangan Yang Berhormat itu tidak dapat diterima, sehubungan itu proses dan prosedur pada pagi ini diteruskan,” katanya.

Mohamad Ali, yang dilantik sebagai Senator pada 20 Mei lepas, kemudiannya mengangkat sumpah jawatan di hadapan Rais.

Selain Mohamad Ali, turut mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara ialah Dr Nuing Jeluing, Datuk Paul Igai, dan Datuk Guan Dee Koh Hoi.

Nuing dan Paul dipilih semula sebagai Senator Dewan Negara bagi penggal kedua, masing-masing atas lantikan semula Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Yang di-Pertuan Agong.

Selain Mohamad Ali, turut mengangkat sumpah di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara ialah Dr Nuing Jeluing, Datuk Paul Igai, dan



**SENATOR** Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad ketika mengangkat sumpah sebagai Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Dr Rais Yatim, pada 16 Disember lepas.

### BIODATA SENATOR DATUK SERI MOHAMAD ALI MOHAMAD

**Nama:** Senator Datuk Seri Mohamad Ali bin Hj Mohamad  
**Isteri:** Datin Seri Rosefouziah binti Hj Salleh

**Anak:** 6

**Tarikh lahir:** 15 Mac 1964

**Tempat lahir:** Melaka

### JAWATAN DALAM KERAJAAN:

- Ahli Dewan Negara Parlimen Malaysia (11 Mei 2020 sehingga sekarang)
- Timbalan Pengurus Yayasan Melaka (Mei 2020 sehingga sekarang)
- Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Melaka Berhad (2017-2018)

### PENGLIBATAN POLITIK:

- Timbalan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Negeri Melaka
- Ketua UMNO Bahagian Tangga Batu
- Pengurus Penyelaras JAPERUN DUN Klebang
- Pengurus Barisan Nasional Parlimen Tangga Batu

sing atas lantikan semula Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Yang di-Pertuan Agong.

Sementara itu, Guan Dee yang merupakan Setiausaha Agung Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), adalah lantikan baharu Yang di-Pertuan Agong.

Sementara itu, Guan Dee yang merupakan Setiausaha Agung Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), adalah lantikan baharu Yang di-Pertuan Agong.-BERNAMA

Datuk Guan Dee Koh Hoi.

Nuing dan Paul dipilih semula sebagai Senator Dewan Negara bagi penggal kedua, masing-masing atas lantikan semula Dewan Undangan Negeri Sarawak dan Yang di-Pertuan Agong.

Sementara itu, Guan Dee yang merupakan Setiausaha Agung Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), adalah lantikan baharu Yang di-Pertuan Agong.-BERNAMA



# Patuhi SOP ketika bercuti

**Saliawati Salberi**

AYER KEROH - Pelancong yang memilih Melaka sebagai destinasi pelancongan, diingatkan supaya mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri Datuk Rahmad Mariman berkata, dalam memastikan SOP yang digariskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dipatuhi dan tidak diabaikan pelancong, operasi pemantauan akan diadakan secara berterusan.

"Selain operasi pematuhan yang diadakan secara berkala Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan

agensi terlibat lain terus melakukannya pemantauan harian.

"Malah saya sendiri menyertai operasi pematuhan di Banda Hilir berjuma dengan peniaga serta pelancong dalam memastikan mereka mengutamakan SOP," katanya.

Mengulas lanjut beliau berkata, beliau turut mengingatkan agar SOP juga turut diperketat.

"Kita kena pilih keduanya, hidup dan kehidupan jadi dengan peluang ini kita perlu patuh kepada SOP.

"Malah sidang media supaya SOP diperketat dalam kalangan peniaga dan pelancong juga sudah diadakan," katanya.

Ujarnya, pihak hotel juga khususnya disarankan agar melakukan proses sanitasi ke atas premis.



PENGUNJUNG melawati persekitaran Banda Hilir. Foto: MR. AZLI

## MATTA terokai produk eko pelancongan

**Liana Sahabudin**

JASIN - Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Melaka akan mempromosikan produk pelancongan luar bandar bagi merancakkan industri pelancongan yang terkesan semasa pandemik COVID-19.

Pengerusinya Goh Hock Gin berkata, Melaka mempunyai banyak destinasi pelancongan menarik di luar bandar yang belum diterokai pelancong dari dalam dan luar negara.

"Kebanyakan pelancong tertumpu di kawasan bandar Melaka yang menempatkan pelbagai pelancongan bersejarah.

"Sedangkan di kawasan luar bandar turut menyediakan suasana menarik untuk dirasai sendiri termasuk destinasi eko-pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program Jom Terokai Jasin bersama MATTA di sekitar kawasan pelancongan Jasin, baru-baru ini.

Jelasnya, antara lokasi pelancongan menarik termasuklah Laman Tiga Budaya di sempadan Melaka, Johor dan Negeri Sembilan, Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah, Nyallas, Jasin dan lain-lain.

"Kita mahu uruskan satu pakej baru iaitu pakej 'eco tourism' produk untuk Melaka sebab kebelakangan ini banyak pendedahan mengenai sejarah saja.

"Jadi, kita akan perkenal pakej baru kepada pelancong bagi produk eko-pelancongan," katanya.

Tambahnya, pihaknya akan mewujudkan pakej-pakej pelancongan baharu dengan kerjasama agensi pelancongan membabitkan eko-pelancongan di negeri ini.



AKTIVITI boling kelapa turut diadakan semasa lawatan di Taman Eko Rimba Bukit Batu Lebah.



PERSEMBAHAN silat di Bio Silber Asahan Water Theme Park.

**“Antara lokasi pelancongan menarik termasuklah Laman Tiga Budaya di sempadan Melaka, Johor dan Negeri Sembilan, Hutan Rekreasi Bukit Batu Lebah, Nyallas, Jasin dan lain-lain. ”**

## JOM AMALKAN



Cara hidup sihat



### KERAP CUCI TANGAN DENGAN BETUL

- 1 Basahkan tangan, letak sabun dan ratakan.
- 2 Gosok tapak tangan.
- 3 Gosok setiap jari dan celah jari.
- 4 Gosok kuku di tapak tangan.
- 5 Gosok belakang tangan.
- 6 Bilas tangan dengan air bersih.
- 7 Keringkan dengan tuala atau tisu yang bersih.

### ETIKA BATUK DAN BERSIN DENGAN BETUL

- 1 Palingkan muka daripada orang lain & makanan.
- 2 Tutup hidung & mulut anda dengan tisu/ sapu tangan ketika batuk/ bersin.  
BUANGKAN TISU KE DALAM BAKUL SAMPAH.
- 3 Jangan berkongsi sapu tangan atau tisu dengan orang lain.
- 4 Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut sebelum mencuci tangan.

# Warga Telok Mas sahut cabaran turunkan berat badan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TELOK MAS - Seramai 170 warga Telok Mas tampil menyahut cabaran 'Turunkan Berat Badan 50 Hari' yang dianjurkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas Datuk Noor Effandi Ahmad.

Noor Effandi berkata, program itu diadakan bertujuan untuk menyemarakkan gaya hidup sihat, selain menetapkan sasaran untuk menjadikan warga DUN Telok Mas lebih kurus, lebih sihat, lebih bergaya dan lebih ceria.

Menurutnya, cabaran tersebut turut menampilkan hadiah wang tunai keseluruhan berjumlah RM6,000 dengan mempertandingkan empat kategori.

"Antara kategori yang disediakan ialah wanita

atas 90 kilogram (kg), lelaki atas 90 kg, wanita bawah 90 kg dan lelaki bawah 90 kg. Juara bagi setiap kategori akan menerima hadiah wang tunai RM500.

"Kesemua peserta yang menyertai cabaran ini akan ditimbang pada hari pertama dan kemudian akan ditimbang sekali lagi pada hari ke-50 nanti, yang mana pemenang akan dilihat berdasarkan peratusan penurunan berat badan terbaik," katanya.

Tambah Noor Effandi, kesemua peserta yang menyertai cabaran itu akan dibahagi kepada 10 kumpulan dan setiap satu kumpulan akan disediakan seorang mentor kesihatan khas yang akan memantau aktiviti harian peserta melalui kumpulan Whatsapp masing-

masing.

Jelasnya, mentor itu juga bertanggungjawab memberikan tip kesihatan dan aktiviti-aktiviti berfaedah yang perlu dilakukan mengikut kaedah kesihatan yang betul.

"Kita juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Fakulti Kejururawatan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) yang menjadi rakan strategik cabaran ini.

"Diharap sasaran kita menjadikan warga DUN Telok Mas lebih kurus, lebih sihat, lebih bergaya dan lebih ceria selalu dapat dicapai," ujarnya.

Untuk rekod, cabaran berkenaan bermula pada 12 Disember lalu dan akan berakhir pada 31 Januari 2021 untuk menentukan pemenang setiap kategori.



NOOR Effandi bergambar bersama antara peserta yang menyahut cabaran 'Turunkan Berat Badan 50 Hari' DUN Telok Mas.

## BMT ringankan beban pekebun kecil dan penoreh getah

Din Ahmad

AYER LIMAU - Pekebun kecil dan penoreh getah yang menerima kesan langsung berikutan musim tengkujuh ketika ini terpaksa menerima hakikat kehidupan mereka semakin tertekan.

Bagaimanapun, mereka masih mampu menarik nafas lega berikutan Bantuan Musim Tengkujuh (BMT) yang disediakan kerajaan mampu meringankan beban itu.

Hujan sebelah malam dan awal pagi sejak empat hari lalu di kebanyakan kawasan di Melaka meresahkan mereka tetapi BMT membolehkan mereka mengukir senyuman.

Ketidakmampuan menoreh akibat pokok getah basah yang menyebabkan susu getah tidak mengalir tepat ke dalam mangkuk susu, membuatkan mereka terpaksa menerima hakikat kehidupan semakin terhimpit.

Bagaimanapun, bayaran pertama BMT sebanyak RM300 yang diterima sejak 7 Disember lalu sedikit sebanyak meringankan beban mereka melalui tempoh

yang sukar kerana tidak mampu menoreh.

Bagi pekebun kecil Kamarul Ariffin Abu Mansor, 78, walaupun jumlah bayaran itu tidak lumayan, sekurang-kurangnya ia mampu meringankan beban kewangan akibat kebun getahnya yang seluas dua hektar tidak dapat ditoreh.

"Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah dan berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan BMT yang sedikit sebanyak membantu meringankan beban untuk menjalani kehidupan harian.

"Sudah empat hari orang yang mengambil upah menoreh di kebun saya tidak dapat buat kerja kerana hujan tetapi alhamdulillah, BMT dapat membantu," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Jerneh, Lubok Cina di sini baru-baru ini.

Abdul Ghaffar Mohd Ali, 47, berkata meskipun bagi sesetengah pihak, RM300 bukanlah jumlah yang besar, sekurang-kurangnya ia membantu membolehkannya mendapatkan barang keperluan harian untuk keluarga.

"RM300 bagi orang yang berpendapatan tinggi, tidak ada apa-apa tetapi bagi saya, besar maknanya kerana dengan wang itu, saya dapat menyediakan makanan untuk keluarga," katanya.

Pengerusi Pihak Berkusa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Datuk Mohd Salim Mohd Sharif dilaporkan berkata, bayaran pertama BMT 2020 sebanyak RM300 dimasukkan ke dalam akaun pekebun kecil dan penoreh getah yang berdaftar dengan agensi itu mulai 7 Disember lalu.

Bantuan untuk 237,207 pekebun kecil dan penoreh itu adalah sebanyak RM600 seorang dan baki RM300 akan dikreditkan pada Januari depan.

BMT 2020 diberikan kepada pekebun kecil dan penoreh getah yang mengusahakan keseluruhan tanah tidak melebihi 2.5 hektar.

Penerima paling ramai ialah di Sarawak seramai 58,048 orang dan diikuti Kelantan (49,328 orang) dan Kedah (45,297 orang).

Bagi mereka yang belum memohon, RISDA masih membuka peluang hingga 31 Disember ini.



PENOREH getah diberikan Bantuan Musim Tengkujuh RM600 bagi meringankan beban tidak dapat menoreh kerana hujan.

## MELAKA HARI INI

Pengarang Kanan  
MUHD RIZANIZAM ABDUL HAMID  
mrizanizam@gmail.com

LIANA SAHABUDIN  
lilyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN  
faizhasan@melakahariini.my

**REKABENTUK & GRAFIK**

AMBRAN MOHAMED  
ambran@melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI  
mk7.zul@melakahariini.my

Pengarang  
MOHD HAMZATUL AKMAR MD ZAKARIA  
yondaiime87@melakahariini.my

NURSALIA SALBERI  
nur\_salberi@melakahariini.my

FARAH SUHAIDAH OTHMAN  
farahothman@melakahariini.my

MIMIE AZURA ABU BAKAR  
mimieazura1981@melakahariini.my

Penolong Pengarang  
AHMAD FUAD RAMDAN  
fuadramdan@melakahariini.my

MOHD FAZRUL ABDUL MAJID  
fazrul@melakahariini.my

Jurufoto Kanan  
AZREN JAMALUDIN  
m.azren86@gmail.com

### PEMASARAN

Pengurus  
MUHAMMAD HAMZI ROSMANI  
amz@melakahariini.my  
018 - 329 9936

Esekutif  
IZAIDA RAIHANAH IDRIS  
izraihanah363@gmail.com

### MELAKA TV

Ketua  
ASHALIA YUSOF  
ashaliayusof@melakahariini.my  
Wartawan Penyiaran  
MOHAMAD FARIS HAikal  
farishhaikal.zakaria@melakahariini.my  
Jurukamera  
ISMAIL IBRAHIM  
dakmail92@melakahariini.my

SITI NAJIHA ABDULLAH  
eihanajihah0@melakahariini.my

SHARIFAH NORHALIDAH SYED KHAIDZIR  
khalidah@melakahariini.my

Penyunting Video  
RABIAH OSMAN  
osmanrabiah@melakahariini.my

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI  
aufazzati98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI  
amirulramli1990@melakahariini.my

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315  
FAX : 06 - 251 9316

# Didenda sorokkan kelahiran bayi

Saliawati Salberi

**AYER KEROH** - Padah menyembunyikan kelahiran bayi lelakinya yang baru lahir, seorang wanita dikenakan denda RM1,500 oleh Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini pada 18 Disember lepas.

Majistret Mazana Sinin, menatuhkan hukuman itu ke atas tertuduh berusia 39 tahun selepas dia mengaku bersalah sejurus pertuduhan terhadapnya dibacakan juru-

bahasa mahkamah.

Mengikut pertuduhan, ibu kepada lapan anak itu didakwa, telah secara rahsia menyembunyikan kelahiran seorang bayi yang dilahirkan olehnya, sama ada bayi tersebut mati sebelum atau selepas dilahirkan dengan sengaja berusaha menyembunyikan kelahiran itu.

Perbuatan itu dilakukan tertuduh di sebuah rumah di Klebang Besar, pada jam kira-kira 2.30 petang, pada

27 Disember 2018.

Justeru, dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 318 Kanun Keseksian yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga dua tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, pada hari kejadian bapa tiri tertuduh telah masuk serta memeriksa biliknya lalu terjumpa satu beg bewarna ungu yang didalamnya ter-

dapat mayat bayi lelaki dan kemudiannya membuat laporan polis.

Hasil siasatan dijalankan pihak polis kemudian mendapati, bayi terbabit adalah hasil daripada hubungan sulit tertuduh dengan teman lelakinya.

Tertuduh, yang diwakili peguam dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) Muhammad Izzuddin Ab Malek, merayu agar

hukuman ringan dikenakan dengan alasan tertuduh mempunyai bayi kecil berusia empat bulan selain anak sulungnya baru sambung belajar.

Terdahulu, prosiding pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohamad Fuad Ramlan, memohon hukuman setimpal dikenakan kepada tertuduh kerana perbuatan itu tidak berkeperimanusian.

Selepas mendengar hujah kedua-dua pihak, Mazana kemudian memerintahkan tertuduh dikenakan denda RM1,500 atau enam bulan penjara jika gagal berbuat demikian.

Beliau turut menegaskan, sekiranya tertuduh mengulangi perbuatan itu pada masa akan datang, mahkamah tidak akan berkompromi dan hukuman penjara akan dikenakan.



TERTUDUH dibawa keluar mahkamah pada 18 Disember lepas.

## Larangan berbasikal di lebuh raya

Seksyen 79 (2) Akta Pengangkutan Jalan 1987

**Individu yang gagal mematuhi larangan berbasikal di lebuh raya boleh dikenakan denda tidak kurang **RM300** dan tidak lebih **RM2,000** jika disabitkan bersalah.**

## Penghargaan *Setinggi-tinggi*



kepada

**KERAJAAN NEGERI MELAKA & LEMBAGA PERUMAHAN MELAKA**

*ikhlas daripada*



PADUWAN REALTY SDN BHD

# UTeM terokai teknologi baharu SCI

Liana Sahabudin

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menerokai teknologi baharu 'Stretchable Conductive Ink' (SCI) bagi memenuhi permintaan tinggi aplikasi industri elektronik bertaraf global.

Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Wira Dr. Raha Abdul Rahim berkata, ia satu pencapaian berprestij UTeM apabila diberi kepercayaan menjayakan projek industri bertaraf global.

"Penyelidikan ini dibiayai menerusi geran industri bernilai RM1.2 juta yang dianugerahkan Collaborative Research In Engineering, Science And Technology Center (CREST).

kepada UTeM dengan rakan industri, Top Empire Sdn. Bhd.

"Syukur dengan anugerah geran industri dari CREST ini kerana ia sukar diperolehi mana-mana universiti dalam negara.

"Apatah lagi menjayakan misi mendapatkan teknologi baharu bagi memberi sinar dalam sektor industri elektronik bertaraf dunia," katanya.

Katanya, permintaan SCI semakin meningkat kerana fleksibiliti dan kemampuan pengeluarannya yang tinggi selain mengekalkan kekonduksian.

"Diharap penyelidik UTeM dapat menzahirkan kepakaran dimiliki bagi mencapai objektif

penyelidikan bahan ini untuk kegunaan industri elektronik yang berkembang pesat," katanya.

Misi penyelidikan diketua Prof Dr. Ghazali Omar bersama Penyelaras Projek Dr. Siti Hajar Sheikh Md Fadzullah serta ahli kumpulan penyelidik berpengalaman UTeM.

Terdahulu, pihak UTeM telah menjalin kerjasama strategik dengan pihak CREST dan Top Empire menerusi pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) November lalu.

CREST merupakan badan konsortium yang mendapat suntikan dana daripada Kementerian Perdagangan Antara bangsa dan Industri Malaysia (MITI).



RAHA bersama kumpulan penyelidik UTeM bagi menjayakan projek penyelidikan teknologi baharu SCI.

## Peniaga pantai peranginan kembali bernafas

Din Ahmad

TANJUNG BIDARA – Jika sebelum ini peniaga di pantai peranginan di negeri ini sesak nafas akibat kekurangan pengunjung, kini mereka sudah kembali bernafas dengan sempurna.

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan larangan merentas negeri sebelum ini memaksa mereka menghentikan sementara perniagaan dan terpaksa melakukan kerja lain untuk menyara keluarga.

Selepas kira-kira dua bulan terpaksa menghentikan operasi berikut PKPB dan larangan merentas negeri, kini mereka kembali ceria.

Kebenaran merentas negeri yang diberikan kerajaan membolehkan mereka kembali bernaiga dan mula menikmati pulangan memuaskan berikutnya peningkatan pengunjung di pantai seperti Pengkalan Balak, Padang Kemunting dan Tanjung Bidara di daerah ini dan Pantai Puteri di Tanjung Kling.

Tinjauan di pantai Pengkalan Balak, baru-baru ini mendapat majoriti peniaga makanan dan minuman di warung atau pondok tepi jalan mengukir senyuman berikut



PANTAI peranginan Pengkalan Balak dan Padang Kemunting, dekat Alor Gajah kembali meriah dengan kehadiran pengunjung berbanding ketika PKPB dan larangan merentas negeri dikuatkuasakan.

pertambahan pengunjung sejak kebenaran merentas negeri diberikan mulai 7 Disember lalu.

Peniaga buah-buahan, Jamsari Ahmad, 39, berkata ketika PKPB dan larangan merentas negeri dilaksanakan sebelum ini, perniagaannya ter-

paksa dihentikan sementara berikutnya kekurangan pengunjung dan beliau terpaksa melakukan kerja lain untuk menyara keluarga.

"Kebanyakan pengunjung datang dari Kuala Lumpur, Johor, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan

dan semasa PKPB dan larangan merentas negeri dikuatkuasakan, peniagaan saya mati.

"Alhamdulillah, sekarang ia sudah hidup semula dan saya kembali melayan pelanggan seperti sebelum pandemik COVID-19 bermula pada Mac lalu," katanya.

“Alhamdulillah, sekarang ia sudah hidup semula dan saya kembali melayan pelanggan seperti sebelum pandemik COVID-19 bermula pada Mac lalu. ”

Peniaga di Pantai Puteri, Abdul Razak Othman, 48, berkata ayam goreng yang diusahakannya terpaksa dihentikan sementara ketika PKPB.

"Bukan semua jenis perniagaan boleh bertahan sepanjang PKPB dan saya adalah antara peniaga yang bergantung sepenuhnya kepada pengunjung atau pelancong di pantai ini, katanya.

Pengunjung, Kamariah Mohd Ali, 33, berkata beliau dan anggota keluarganya dari Putrajaya meluangkan waktu mengunjungi Pantai Puteri bagi melepaskan ketegangan ketika menghadapi PKPB sebelum ini.

## Usahawan wanita bangkit dari musibah

MASJID TANAH - "Siapa yang tidak kecewa apabila kedai tempat bergantung rezeki musnah dalam kebakaran?

"Tetapi saya berjanji untuk bangkit semula selepas menerima sumbangan yang amat bermakna daripada

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) dan saya akan gunakan untuk memulakan semula perniagaan yang terhenti sejak kedai terbakar pada 14 Mei lalu," kata usahawan wanita Aslina Ismail, 35.

Beliau berkata, selain bersyukur ke hadrat Allah, beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mas Ermieyati Samuddin yang membantunya mendapatkan dana berkenaan.

Katanya, dana itu akan digunakan untuk membina semula kedai makan yang musnah sama sekali dalam kejadian kebakaran baru-baru ini.

Beliau berkata, dana itu ibarat menghidupkan semula semangatnya untuk kembali bernaiga makanan dan minuman yang sudah sebat dengan-

nya sejak lebih 10 tahun lalu.

Bagaimanapun, jika pemilik tanah tapak kedai itu tidak membenarkannya, beliau bercadang membina gerai buah-buahan premium yang sedang diniagakkannya secara atas talian dan di perkarian kediamannya di Kampung Solok Dekat, Pengkalan Balak.

"Selepas kedai itu musnah, saya mulakan perniagaan buah-buahan premium yang diimport dan saya mendapatkan bekalan daripada pemborong di Selayang, Kuala Lumpur," katanya ketika ditemui di tapak kedainya di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah, dekat sini baru-baru ini.

Beliau menerima dana berkenaan daripada Mas Ermieyati baru-baru ini bagi membolehkannya memulakan semula perniagaan.

Dalam kejadian itu, keseluruhan



ASLINA (kiri sekali) dan anggota keluarganya mengangkat saki baki barang yang masih ada di tapak kedai makan yang sudah hangus di Kawasan Perindustrian Masjid Tanah.

kedai berkenaan musnah tetapi tiada sesiapa cedera kerana Aslina ke pasar mendapatkan bekalan bahan mentah untuk dimasak bagi memenuhi permintaan pelanggan secara atas talian berikutnya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika itu.

Aslina menjelaskan, walaupun harga buah premium seperti anggur, strawberi, ceri Argentina, delima Mesir dan seumpamanya agak tinggi berbanding buah-buahan tempatan, permintaan tetap ada kerana pelanggan ingin mencuba merasai keenakannya.

"Agak sukar untuk mereka mendapatkan buah premium dan setakat ini saya peniaga tunggal buah itu di Alor Gajah dan Masjid Tanah dan kebanyakan pelanggan mengucapkan terima kasih kerana berpeluang menikmati buah segar yang diimport," katanya.



EDISI 21 DISEMBER 2020 - 27 DISEMBER 2020

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhan mereka serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

## MAIM dan NGO saudara muslim diperkuuh

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Saudara muslim di negeri ini merupakan antara tumpuan utama Bahagian Balai Islam Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dalam memastikan akidah Islam mereka terjaga dan dia-mal sentiasa.

Peranan bahagian berkenaan menjadi tunjang kepada pengukuhan iman saudara muslim yang masih tercari-cari rentak dalam membentuk diri mereka menjadi Islam sejati.

Kehidupan mereka yang lalu merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi mereka dalam memupuk jiwa kerohanian mengenali Islam dengan lebih dekat serta belajar untuk memastikan aliran kehidupan sehari-hari perlu berlandaskan syariat.

Justeru menjadi tanggungjawab dan amanah kepada Pertubuhan Islam Saudara Muslim (NGO) membantu MAIM menjadi benteng dan barisan hadapan terhadap pelbagai cabaran mendatang yang begitu hebat.

Kerangka peranan NGO

Islam ini adalah sangat penting kepada negara dan ummah dalam memperlakukan pengiktirafan kerajaan terhadap peranan mereka khususnya dalam pelbagai aspek termasuk memacu pembangunan ummah.

NGO saudara muslim ini juga mampu membentuk kekuatan yang jitu kepada gerakan dakwah di negara ini apatah lagi jika ia dirangka, disusun dan dilaksanakan dengan secara tersusun dan sistematik.

Bukan sahaja memastikan akidah saudara muslim ini dijaga, NGO saudara muslim ini telah memainkan peranan yang besar dalam kalangan masyarakat dengan adanya program dakwah sama ada secara terus atau maya.

Sentiasa memantau dan mendengar keluh resah mereka yang mana masih terdapat dalam kalangan saudara muslim ini mempunyai kesukaran dalam hidup lebih-lebih lagi pemantapan akidah mereka menurut pegangan ahli sunnah wal jamaah.

Kebajikan dan pendidikan anak-anak saudara muslim turut diberi perhatian kerana



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Md Rawi Mahmud menyampaikan kit makanan kepada Pengurus PERKIM Melaka, Datuk Abu Pit pada Majlis Ramah Mesra MAIM bersama Pertubuhan Islam Saudara Muslim Negeri Melaka baru-baru ini.

**“NGO saudara muslim ini juga mampu membentuk kekuatan yang jitu kepada gerakan dakwah di negara ini apatah lagi jika ia dirangka, disusun dan dilaksanakan dengan secara tersusun dan sistematik. ”**



MAJLIS ringkas serahan sebanyak 34 unit meja dan kerusi pelajar bagi kegunaan pembelajaran di Sekolah Rendah Agama (SRA) JAIM Bukit Tembakau dalam DUN Serkam telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka (ZM), Datuk Ibrahim Fadzil baru-baru ini. Serah berkenaan merupakan kerjasama antara Permodalan Nasional Berhad (PNB) bersama Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) bagi kemudahan tambahan sekolah berkenaan mengikuti pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa.



SEBAHAGIAN NGO saudara muslim hadir pada majlis ringkas itu.

**KETUA MENTERI**, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali meluangkan masa menyantuni guru dan pelajar di Pondok Darul Ulum Al Arabiyah Al Islamiyah, Pulau Gadong. Turut hadir menyampaikan sumbangan kit makanan, Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.



MAJLIS ringkas lafaz wakaf oleh pewakaf Siti Hazliza Mohamed Hussin yang telah berniat mewakafkan tanah lot 19815, Mukim Merlimau baru-baru ini. Tanah seluas 8,416 kaki persegi itu diwakaf atas tujuan tapak Surau Ar-Rahman, Kampung Merlimau Barat dan serahan sijil wakaf telah disempurnakan oleh Pengurus Baitulmal MAIM, Mohd Sharif Somathulla.



**PENUH TUMPAN...**  
Sebahagian peserta hadir pada Program Muzakarah Akidah Bersama Penggerak Muallaf Negeri Melaka yang telah diadakan di Kompleks Darul Huda. Program ilmiah itu dianjurkan oleh Bahagian Balai Islam MAIM dan turut dihadiri penceramah jemputan Ahli Jawatkuasa Kajian Ahli Sunnah Wal Jamaah Negeri Johor, Abdul Rashid Muhammad Akip.



**PRIHATIN...**Penolong Setiausaha Bahagian Balai Islam MAIM, Mohd Hairulamin Mohd Sis menyantuni seorang saudara muslim, Ridhuan Tee Abdullah yang akan menjalani pembedahan dalam masa terdekat. Sumbangan kit makanan dan wang tunai turut disampaikan bagi meringankan beban keluarga beliau dan dalam waktu yang sama Balai Islam turut mengambil inisiatif menempatkan sementara anak beliau yang menghidap sakit jantung kronik di Kompleks Darul Huda untuk pemantauan dan pemerhatian berikut ketidaaan bapa mereka yang akan menjalani pembedahan di Kuala Lumpur.

# Nilai hutang akhirat



Datuk Hj. Ibrahim Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

zakat itu. Ianya merupakan salah satu hutang kepada Allah SWT sekaligus merupakan saham akhirat yang akan menjamin ganjaran pahala yang besar di sisi Allah SWT.

Pelaksanaan ibadah zakat ini merupakan satu tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Zakat ini juga merupakan Rukun Islam yang wajib dipatuhi, jika sengaja meninggalkannya maka tidak sempurna Rukun Islam tersebut.

Sehubungan dengan itu, zakat ini juga merupakan satu perkara yang membentuk kemajuan pembangunan ekonomi umat Islam keseluruhannya melalui pengeluaran zakat dan pengagihan zakat kepada golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam Surah at-Taubah ayat 60.

Oleh yang demikian, menunaikan qada zakat ini adalah wajib dan tidak dipaksa pembayar menunaikan zakat secara sekaligus, malah boleh dilakukan secara ansuran, tetapi dinasihatkan mendahului bayaran zakat semasa.

Sebagai seorang mukmin yang sejati, kita wajiblah menunaikan zakat dengan segera tanpa melengkarnya. Ianya penting bagi

**“ Pelaksanaan ibadah zakat ini merupakan satu tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat. Zakat ini juga merupakan Rukun Islam yang wajib dipatuhi, jika sengaja meninggalkannya maka tidak sempurna Rukun Islam tersebut. ”**

memastikan keperluan asnaf-asnaf zakat dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin bagi membantu mereka meneruskan kehidupan sehariannya.

Sebarang pembayaran & pertanyaan

tentang info zakat bolehlah layari atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel : 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel : 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel : 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel : 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel : 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel : 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel : 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp  
: Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat  
– (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)

## REBAT 100% CUKAI PENDAPATAN



Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP), Seksyen 6A (3), memberi keistimewaan kepada orang-orang Islam iaitu:

"Rebat hendaklah diberikan pada tahun-tahun taksiran untuk sebarang bayaran zakat atau lain-lain tuntutan agama Islam yang mana pembayarannya wajib dan yang telah dibayar dalam tahun asas bagi tahun taksiran itu dan dibuktikan oleh resit yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama yang berkenaan yang ditubuhkan mengikut undang-undang bertulis".

Ini bermakna, semakin banyak zakat yang dilunaskan semakin kuranglah kadar cukai pendapatan yang akan dikenakan. Ini disebabkan oleh rebat cukai yang disediakan.

Contoh Pengiraannya :

### SITUASI 1: CUKAI MENYAMAI ZAKAT

"Jika tuan/puan melunaskan zakat sebanyak RM800 tuan/puan layak untuk mendapat rebat cukai sebanyak RM800."

### SITUASI 2: CUKAI MELEBIHI ZAKAT

= Jumlah Cukai Pendapatan - Jumlah Zakat  
= Jumlah Cukai Perlu Dibayar  
= RM1,000 - RM800  
= RM200 (Jumlah Cukai Perlu Dibayar)

### SITUASI 3: ZAKAT MELEBIHI CUKAI

= Jumlah Zakat - Jumlah Cukai Pendapatan  
= Jumlah Cukai Perlu Dibayar  
= RM1,000 - RM800  
= Tiada (Jumlah Cukai Perlu Dibayar)

## CALL & TAKE



Hubungi Kami Di Talian:

**1-300-88-0233**

Kami SEDIA Ke Premis Anda Untuk  
**KIRA & LUNAS ZAKAT**



atau sila layari:  
**izakat.com**

Untuk Pembayaran Secara Atas Talian



Zakat Melaka akan mengambil langkah pencegahan seperti disarankan Majlis Keselamatan Negara bagi memastikan keselamatan pelanggan dan warga kerja Zakat melaka terjamin dalam usaha mencegah penularan wabak Covid-19

1-300-88-0233 [www.izakat.com](http://www.izakat.com) Zakat Melaka [zakat.melaka](https://zakat.melaka.gov.my) Zakat Melaka



# JOM BERWAKAF

"Satu Amal Mencipta Sejuta Manfaat"

Apabila matinya anak Adam, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan atau anak yang soleh yang sentiasa mendoakannya

-Hadith Riwayat Muslim-



**DELEGASI Ahli Lembaga Pengarah Zakat Melaka (ZM)** mengadakan kunjung hormat kepada Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam baru-baru ini. Mengetuai delegasi berkenaan Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil dan Ketua Pegawai Eksekutif ZM, Datuk Ibrahim Fadzil.



**CELIK ZAKAT...**Janjitemu dan Ops Sedar telah dilaksanakan oleh sebahagian pegawai Zakat Melaka (ZM) di beberapa premis dan agensi korporat sekitar negeri ini. Alternatif program yang dikenali Call & Take ini juga memberi peluang kepada masyarakat Islam yang berkeinginan untuk melunaskan zakat akan disantuni oleh pegawai ZM hingga ke lokasi dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh kerajaan.



**PENGURUS Baitulmal MAIM,** Mohd Sharif Somathulla bersama Penolong Setiausaha Bahagian Pembangunan Insan MAIM merangkap Pegawai Integriti MAIM, Rizalman Syed menyerahterahkan simbolik sepanduk bunting dan lencana butang (button badge) serta buku log penerimaan hadiah anti rasuah kepada salah seorang pegawai MAIM pada majlis ringkas di bangunan Pusat Islam Melaka. Peranan pegawai dan kaktangan mengekalkan integriti dan kesedaran impak rasuah menjadi kriteria utama dalam memastikan imej serta urustadbir MAIM dapat dilaksana dengan penuh amanah.

**Ke Manakah Wakaf Anda?**



# Jam Berwakaf

Wakaf Tunai Melaka



Pengambilan/Pembelian Lot Tanah Bagi Tujuan Keagamaan



Pembangunan Hartanah Wakaf



Pembaikan Hartanah Wakaf



Kaedah bayaran #1  
MELALUI POTONGAN GAJI SECARA BULANAN



Kaedah bayaran #2  
Download APPS e-WALLET BOOST



Kaedah bayaran #3  
Bayar di Kaunter Wakaf MAIM



Kaedah bayaran #4  
MELALUI AKAUN BANK BANK ISLAM (MAIM)  
0401 5010 0174 34

**Bayaran Wakaf Serendah RM 2.00 Sahaja**

Bahagian Wakaf MAIM : 06-283 7416 / 06-284 9809



# SMART A+

**SOALAN LATIHAN & TEKNIK MENJAWAB SPM  
SUBJEK : BAHASA MELAYU**

## TEKNIK PENULISAN KARANGAN BAHASA MELAYU SPM

### PANDUAN MENULIS RUMUSAN

- Proses mencari dan mengenal pasti isi-isi utama dalam petikan.
- Proses mengasingkan isi utama dan isi sampingan, huraihan dan bukti.
- Panjang rumusan mestilah mematuhi arahan (tidak melebihi 120pp)
- Jumlah isi minimum (tersurat dan tersirat ialah 8)
- Boleh memetik ayat dalam petikan, asalkan tidak disalin secara terus.
- Rumusan sebaik-baiknya ditulis dalam 4 perenggan iaitu perenggan pendahuluan, isi tersurat, isi tersirat dan kesimpulan.

Kaedah PSTK 1621 digunakan dalam menjawab soalan rumusan yang terdapat di dalam kertas 2 Bahasa Melayu. Di bawah ini, rumus bagi kaedah tersebut.

- |   |   |              |
|---|---|--------------|
| P | - | Pendahuluan  |
| S | - | Isi tersurat |
| T | - | Isi tersirat |
| K | - | Kesimpulan   |

Biasanya pendahuluan (P) terdiri daripada 1 ayat; oleh itu saya menandakan ia sebagai P=1 (maknanya satu isi; satu ayat). Manakala isi tersurat (S) terdiri daripada 6 isi; 1 isi memerlukan 1 ayat; oleh itu 6 isi = 6 ayat - S=6. Isi Tersirat pula memerlukan sebanyak 2 isi. 2 isi bermakna 2 ayat - T=2. Akhir sekali, kesimpulan (K) terdiri daripada 1 ayat - K=1. Rumusannya adalah PSTK 1621. Formula rumusan lengkap seperti berikut :

### Langkah 1 : Menulis Pendahuluan (2 markah)

- Baca soalan yang diberi dan kenal pasti fokus soalan 1 dan fokus soalan 2 yang terdapat dalam arahan soalan. Contoh arahan soalan seperti berikut :

(i) Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **usaha-usaha membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat dan kekangan yang dihadapi. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

(ii)


<b>Fokus soalan 1</b>	usaha-usaha membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat
<b>Kata kunci</b>	usaha-usaha
<b>Fokus soalan 2</b>	kekangan yang dihadapi

(iii) Tukar kata kunci



### MENUKARKAN KATA KUNCI

#### Petikan membincangkan....



- Tulis pendahuluan rumusan anda dalam satu ayat seperti berikut :

(1) Frasa memulakan rumusan	(2) Kata kunci yang disinonimkan	(3) Fokus soalan 1	(4) Pelengkap
Petikan ini membincangkan	Usaha-usaha, langkah-langkah, cara-cara	membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat	di Malaysia. di negara ini.

Pendahuluan lengkap :

**Petikan ini membincangkan langkah-langkah membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.**

ATAU

(1) Frasa memulakan rumusan	(2) Kata kunci yang disinonimkan	(3) Fokus soalan 1	(4) Pelengkap
Rumusan ini membincangkan	Usaha-usaha, langkah-langkah, cara-cara	membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat	dan kekangan yang dihadapi.

Pendahuluan lengkap :

**Rumusan ini membincangkan langkah-langkah membudayakan amalan bersukan dalam kalangan masyarakat dan kekangan yang dihadapi.**



### Langkah 2 : Menulis Isi Tersurat (4 - 12 markah)

- Mengesan isi tersurat

(i) Menggunakan kaedah penanda wacana

- Selain itu,....
- Seterusnya,....
- Di samping itu,....
- Selanjutnya,....

(ii) Kata tugas/perkataan penanda isi arahan soalan/fokus soalan

a) **Punca /Sebab / Faktor**

- Disebabkan/kerana/daripada/oleh sebab/menyumbang

b) **Kesan / Kepentingan / Kebaikan / Faedah**

- dapat/mampu/berupaya/akan/boleh/mendatangkan/menjadikan/menyebabkan/membolehkan

c) **Langkah/ Cara**

- Hendaklah/perlulah/mestilah/haruslah/wajar/boleh/ sepatutnya

(iii) Mengenalpasti kata kerja yang digunakan, contohnya mempunyai, menguasai, beretika, memiliki, menonjolkan, melengkapkan dan sebagainya.

**Contoh 1:**

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **punca-punca yang menyebabkan masalah pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar dan langkah-langkah mengatasinya.** Tuliskan isi yang tersurat itu dalam jadual yang berikut.*

punca

**Faktor** utama yang menyumbang kepada masalah disiplin pelajar ialah **kemererosotan asuhan, didikan dan kawalan ibu bapa**. Ibu bapa lebih banyak memberikan tumpuan terhadap kerjaya dan menyerahkan soal pembesaran anak-anak kepada pembantu rumah, pusat asuhan, tadika dan sekolah. **Selain itu, pengaruh persekitaran turut menyumbang kepada peningkatan masalah juvana dan disiplin pelajar.**

punca

# TEKS UCAPAN DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN MD ALI KETUA MENTERI MELAKA SEMPENA BELANJAWAN TAHUN 2021 NEGERI MELAKA



Bahagian 2

## ANGGARAN HASIL TAHUN 2021

Anggaran hasil Kerajaan Melaka tahun 2021 dijangka meningkat kepada RM445.96 juta berbanding RM390.22 juta pada tahun 2020, iaitu peningkatan sebanyak 14.28 peratus.

Hasil Cukai dianggarkan sebanyak RM155.79 juta manakala, Hasil Bukan Cukai pula dianggarkan berjumlah RM272.28 juta.

Manakala, RM17.89 juta merupakan Terimaan Bukan Hasil daripada pemberian Kerajaan Persekutuan dan bayaran balik pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri.

## ANGGARAN PERBELANJAAN TAHUN 2021

Tahun 2021 Kerajaan Negeri meneruskan inisiatif bajet surplus dengan bajet keseluruhan berjumlah RM445.86 juta.

Peruntukan bagi perbelanjaan mengurus sebanyak RM445.86 juta bagi 2021 menunjukkan peningkatan 14.32 peratus, berbanding tahun 2020 sebanyak RM390 juta.

### Bagi Maksud Tanggungan

Bagi Maksud Tanggungan, peruntukan yang dicadangkan adalah sebanyak RM9.48 juta, iaitu 2.13 peratus daripada jumlah keseluruhan Belanja Mengurus.

### Bagi Maksud Bekalan

Di bawah Maksud Bekalan, untuk Belanjawan 2021, peruntukan yang dicadangkan sebanyak RM436.38 juta atau 97.87 peratus daripada jumlah keseluruhan Belanja Mengurus.

### Ringkasan perbelanjaan adalah seperti berikut:

- **PERTAMA :** Sejumlah RM177.54 juta diperuntukan di bawah Perkhidmatan dan Bekalan dengan peratusan perbelanjaan tertinggi, iaitu 40.69 peratus;

- **KEDUA :** Sebanyak RM142.40 juta diperuntukan di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, iaitu 32.63 peratus;

- **KETIGA :** Sejumlah RM111.87 juta diperuntukan di bawah Emolumen, iaitu 25.64 peratus;

- **KEEMPAT :** Sebanyak RM3.97 juta diperuntukan di bawah Aset iaitu 0.91 peratus; dan

- **KELIMA :** Sejumlah RM0.59 juta diperuntukan di bawah Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain, iaitu 0.13 peratus.

## ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2021

Di bawah anggaran perbelanjaan pembangunan pula, sebanyak RM75 juta akan diperuntukan, meningkat 7.14 peratus atau RM5 juta berbanding tahun 2020.

Daripada jumlah itu, RM53.74 juta merupakan sumber hasil Negeri. RM21.26 juta merupakan pemberian Geran Tahap oleh Kerajaan Persekutuan dan pindahan daripada Akuan Pinjaman Disatukan sebanyak RM20 sebagai token.

Demi menjamin perkhidmatan berkualiti kepada semua kelompok rakyat hingga ke akar umbi, Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelesaian Dewan Undangan Negeri (JAPERUN)

terus diperkasa. Untuk 2021, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM14.50 juta.

### INSENTIF KHAS SEKOLAH TAHFIZ

Di sudut lain, bagi mempertinggi syiar Islam, tahun 2021, Kerajaan Melaka akan memberi insentif khas kepada 83 sekolah tafiz berdaftar di seluruh negeri ini, berupa bantuan tunai secara one-off sebanyak RM1,000.

Sebelum kita melangkah lebih jauh lagi, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, untuk kita merenung sambil menghayati tentang keunikan Rumah Melaka, yang telah berjaya memukau para pelancong, sehingga terkenal seantero dunia.

Seharusnya kita berbangga atas kelebihan Rumah Melaka ini. Lantaran itu, saya pohon agar sama-sama kita bukalah mata,... pandangan sedalam-dalamnya, bisikkan sampai terasa pada diri bahawa,... ‘ini MELAKA RUMAHKU’.

### MELAKA RUMAHKU

bolehlah diwajahkan;

*“Kitalah tiang serinya,... Kitalah jenang dan jendelanya,... Kitalah atap dan bumbungnya,... Dan kitalah pasak juga tangganya.”  
Bagai disesuai bidalan Parsi, disebut Tun Sri Lanang,... “Rakyat itu umpama akar. Kerajaan iberat pohonnya. Perpaduan pula bagai kan RUMAHnya. Jikalau tiada akar, mana mungkin pohon dapat berdiri teguh, RUMAH perpaduan pun tidak dapat dibina dengan utuh.”*

Begitulah maksud mendalam kerangka halatuju MELAKA RUMAHKU yang kita impikan. Di dalamnya terkandung visi, misi, pemboleh daya atau enabler, slogan yang dilingkari kecemerlangan dunia dan ukhrawi.

Sememangnya, belanjawan kali ini bukanlah yang biasa-biasa. Kerana kini, kita sedang berdepan dugaan besar, yang tidak pernah ditempuh, hatta terfikir dek akal fikiran kita sebelumnya.

Walaupun kita menghadapi kutipan hasil dan ekonomi yang tidak menentu, selaras slogan Melaka yang meletakkan perkataan rakyat sebagai roh utama, kita tetap mengutamakan kepentingan setiap insan di Melaka.

Saya rasai keperitan yang dihadapi rakyat Melaka. Sebagai tanda prihatin kami,... bermula Januari hingga Disember 2021, saya dan semua barisan Exco Kerajaan Negeri dengan ini telah sepakat bersetuju, untuk memotong gaji bulanan sebanyak 10 peratus, selama 1 tahun.

Wang itu nanti, akan dimasukkan ke Tabung Bencana Negeri Melaka untuk membantu rakyat yang terkesan akibat wabak tersebut.

Melangkah ke hadapan, pada hemat saya, Belanjawan 2021 ini, seharusnya mengambil kira aspek perencanaan strategik, menjurus kepada Big Plan, Bold Action and Fast Result.

Ini termasuklah, Mengoptimalkan Perbelanjaan, Mengekplorasi Hasil Sumber Baharu dan Memperkasa Agenzi serta Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri.

Atas dasar tuntutan semasa dan halatuju MELAKA RUMAHKU inilah,... maka belanjawan 2021 Negeri Melaka, saya pilih, bertemakan, MELAKA RUMAHKU: MERANCAK EKONOMI, MEMBAHAGIA RAKYAT, MENGGAMIT DUNIA.

### TERAS BELANJAWAN 2021

Bajet 2021 Melaka, berpaksikan misi Negeri Melaka terbaru, berasaskan, T.E.R.A.S atau TERAS. T untuk TEKNOLOGI. E untuk ENTREPRENEURSHIP. R untuk REVOLUSI INDUSTRI DAN EKONOMI. A merujuk kepada ANTARABANGSA, dan S adalah SEJAHTERA, untuk kesentosaan rakyat.

Bagi merealisasikan 5 TERAS ini, 12 strategi direncana untuk menjadikan Melaka sebuah negeri lebih berdaya maju, seimbang dunia dan ukhrawi, dalam merancak pemuliharaan ekonomi pasca COVID-19.

### STRATEGI PERTAMA: MENYEDIAKAN INSENTIF IMPAK PANDEMIK COVID-19

Saya faham, akibat COVID-19, ramai rakyat jadi susah. Ada tak boleh keluar bekerja. Ada yang terpaksa bekerja dari rumah. Lebih kasihan lagi, ada sampai hilang pekerjaan dan terjejas perniagaannya.

Di pihak Kerajaan Melaka pula, banyak program untuk rakyat tergendala dan terpaksa kami tangguhkan.

Namun, kita berterima kasih, khususnya kepada frontliners, kerana bertungkus lumus mengekang penularan wabak COVID-19.

Tidak ramai tahu, kisah menyayat hati yang menimpa Muhammad Haizad bin Nordin, anggota Polis orang Melaka. Meskipun ditimpakan kecederaan parah ketika PKP, namun beliau tetap bersemangat demi negara.

Semoga beliau dan keluarganya tabah menghadapi dugaan hidup serta berilah penghargaan kepada Konstabel Haizad!

### INSENTIF KERAJAAN PERSEKUTUAN

Melalui kerjasama erat dengan Kerajaan Persekutuan, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia, kita telah menyediakan pelbagai insentif untuk rakyat, antaranya:

- Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau PRIHATIN berjumlah RM250 bilion;
- Pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau PENJANA bernilai RM35 bilion;
- Pakej Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN atau Kita PRIHATIN berjumlah RM10 bilion;
- Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM20 bilion dan peruntukan RM10 juta kepada Negeri Melaka bagi diagihkan kepada 9 Jabatan dan Agensi.

### INSENTIF KERAJAAN NEGERI

Di peringkat Kerajaan Negeri pula, walau pun berdepan cabaran kesihatan, ekonomi dan politik, namun, saya tetap dengar rintihan rakyat. Kami prihatin keluhan mereka dan ‘I will serve my best to the rakyat Melaka’.

Kerana, yang berlaku sekarang, ‘to me, is very unprecedented. Therefore, we must take unprecedented immediate actions, measures and solutions for the rakyat.’

Justeru, dalam menangani impak COVID-19, tanpa berlengah-lengah lagi, saya menggembung semua Jabatan dan Agensi Negeri, bagi menyediakan 16 insentif pada 2020 berjumlah 19.44 juta ringgit, termasuklah inisiatif tambahan 2021, khusus buat rakyat Melaka:

- **PERTAMA:** Mengurangkan sewaan seramai 1,471 penyewa rumah kos rendah dan rumah pangsa milik Lembaga Perumahan Melaka atau LPM, daripada Mac hingga Ogos 2020, hampir RM1 juta;

- **KEDUA:** Memberi Rebah bil air kepada pemilik atau penyewa rumah kos PPR dan rumah pangsa kos rendah di bawah LPM;

- **KETIGA:** Menangguhkan bayaran bil air

Syarikat Air Melaka Berhad atau SAMB, bermula bulan Mac hingga Julai 2020, kepada 260 ribu isi rumah, berjumlah RM2.26 juta;

- **KEEMPAT:** Menangguhkan bayaran caj abstraksi air mentah kepada 169 pemegang lesen berjumlah RM2.25 juta;

- **KELIMA:** Mengurangkan bayaran bil air bulanan penyewa dan pemilik rumah kos rendah kepada 3,974 isi rumah bagi tempoh Mac hingga April 2020, berjumlah RM50,000;

- **KEENAM:** Mengecuali atau mengurangkan bayaran sewa bagi 237 orang dan penyewa IKS serta pengusaha PKNM, bagi tempoh April hingga Mei 2020 berjumlah RM500,000;

- **KETUJUH:** Membayar insentif frontliner PBT berjumlah 100 ringgit hingga 200 ringgit, bagi tempoh April hingga Mei 2020, kepada 580 orang petugas berjumlah RM110,000;

- **KELAPAN:** Menangguhkan bayaran denda lewat cukai tanah daripada 31 Mei kepada 31 Julai 2020 kepada 61,140 hakmilik tanah, dengan implikasi kewangan RM3.2 juta.

### Seterusnya, sukcita diumumkan:

- **SATU:** Potongan 50 peratus denda lewat akan diberikan sehingga 31 Disember 2020. Dua : Penangguhan bayaran denda lewat cukai tanah daripada 31 Mei 2021 kepada 31 Julai 2021;

- **KESEMBILAN:** Menangguhkan bayaran denda lewat cukai petak atau strata dari pada 31 Mei kepada 31 Julai 2020, kepada 5,999 pemilik unit strata, berjumlah RM65,000. Selanjutnya, Kerajaan Melaka bersetuju meneruskan penangguhan bayaran denda lewat cukai petak atau strata, daripada 31 Mei kepada 31 Julai 2021;

- **KESEPULUH:** Menangguhkan bayaran balik pinjaman Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka atau TAPEM kepada 7,400 pemohon daripada April hingga Jun 2020, berjumlah RM3 juta.

Tahun depan, Kerajaan Melaka bersetuju untuk terus menangguhkan bayaran balik pinjaman TAPEM, dari Januari hingga ke Mac 2021;

- **KESEBELAS:** Menyediakan peruntukan Khas Frontliner KKM berbentuk peruntukan makanan buat 2,790 petugas sebanyak RM390,000 pada 2020;

- **KEDUABELAS:** Menyediakan peruntukan Khas Frontliner KKM berbentuk pembelian peralatan asas, sebanyak RM110,000 pada 2020;

- **KETIGABELAS:** Memberi Bantuan Kit Makanan Asas kepada 36,400 orang bagi tempoh Mac hingga April 2020, berjumlah RM3.22 juta.

Pada 2021, Bantuan Kit Makanan Asas iaitu ‘Nutrisi Sejahtera’ kepada golongan sasar B40 secara one-off, akan diteruskan bagi tempoh Januari hingga Mac 2021.

- **KEEMPATBELAS:** Menyediakan Insurans dan Khairat Kematian kepada barisan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Negeri Melaka pada 2021;

**Sambungan di minggu hadapan**



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican



THE Ferringhi, Farang, and Franks have their origins at a particular moment in history, geography, and identity formation. It is an ethnography, of not only a Malay marker of the European, but by other societies that have come into contact with the natives of “the northern quadrant” where “the sun is far from the zenith – increasingly far the farther north they go – such as the Slavs, the Franks, and other nearby nations,” thus described the encyclopedist Masudi (d. 956–957). It is a cultural boundary, originally separating the Islamic world from Europe.

The Ferringhi is an example of new knowledge in the Tanah Air, much from such works, as well as encounters and narratives from the land of the Franks. This new knowledge comes from the new science of “jughrafia” after the Greek.

The Ferringhi is the Malay reference to the European. The Ferringhi appears in classical Malay texts, variably spelt in Rumi as Ferenggi, Ferringi, Peringgi or Pringgi.

The many versions of the Ferringhi then appeared in what was then called Asia Minor, through the Indo-Persian world, and in littoral societies from East Africa to the Malay Archipelago and further east.

It was from the German word from which France derives its name, hence the Franks, referring to the empire by that name ruling a large part of Europe, in what is now France, Germany, Switzerland, Italy and Austria for centuries. These were the places from where a large number of the Crusaders came from. They were called Franks. To the Arabs, all Europeans are associated with the word “Frank,” hence Firinja, Firinjah (plural), Firinji (singular); Ifranj, Afranj (another plural term), and Ifranji, Afranji, denoting the singular.

To the Greeks, who are located outside the “Frankish empire,” it is Frangos, Firanja. To the Turks, it is Ifrangi. In Syriac, referring to “a European” coming from Western Europe, the word is Frang. In Ethiopic it is Faranj.

As Arab traders travelled toward the east, to the Indian subcontinent and beyond the Malay Archipelago, the term became incorporated into the languages of the communities and groups residing along the coast of the Indian Ocean,

and Indo-China. Among the Malays, it was initially used to describe the Portuguese, but later used for all “whites.”

And Batu Ferringhi in Pulau Pinang is not unrelated to the Europeans. My memory of the origin of the place is that it means “Portuguese” or “foreigner’s rock”. This

fairly rocky stretch of beaches on the northern edge of the island, popular for picnics, and camping, was where ships from the West, where the Malays then called “orang dari atas angin” (those above the wind) would stop over to replenish their supplies (of fresh water). We know for sure that the

Portuguese had anchored there and explored the island based on a description of its name in earlier maps – Pulo Pinaom. That is Portuguese for the betel-nut island.

“Batoor Fringy” was also noted as the place where Batu Ferringhi now stands. The Malays on the island and in mainland Kedah (Gu-

in contemporary Thai intellectual and popular thought. The idea of the Farang is seen as “the wicked Other of the Thai.” And during the Vietnam War, Thailand witnessed many American soldiers, and among them, the Black Farang. Significantly, while there is the “us-them” distinction in the Thai Farang, there is no presumption of moral or cultural superiority in the categorization of the Malay Ferringhi as the other.

Malay accounts of the arrival of the Ferringi are generally morally neutral. To the Melaka Malays, or the various Malays in the Malay Archipelago from Aceh to the Maluku, the Europeans presented just another element of arrival – all were always welcome.

Unlike the Japanese or the Chinese, the Europeans who arrived on their shores are termed as Southern barbarians. Even elephants brought in by the Portuguese as gifts to the Japanese in Kobe circa 1600 were viewed with much suspicion. In some languages, the moniker was used derogatorily for Europeans. This happened in the Hindi Farengi, and Firangi in British India.

#### NEXT WEEK: In the Shadow of Magellan

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



nung Jerai is in close proximity and much visible on a clear day) would have encountered the Ferringhi there, not only the Portuguese, but also other Europeans. The moniker itself depicts an early encounter between East and West. In the Malay narrative, the Ferringhi was largely seen in neutral terms.

In Cambodia and among the Khmers, the foreigner white is the Barang, while the Vietnamese version is Pha-rang, or Pha-lang-xa. And even down in the southern Pacific, the Samoans and the Maoris use words such as Paalagi, Papalangi, Vaalagi or Papa-aa.

In Tamil, the foreigner is variably called Farengi, Firangi, Pirangi or Parangiar; while it is Farangi or Parangki in Malayalam. There is a town in Tamil Nadu called Parangipettai, formerly Porto Novo (a Portuguese name) on the north bank of the Vellar river.

The Persians call Afrang, Faranji, Ferang, Ferangi, Feringhi, Farang and Farangi. Interestingly, the Thai Farang is borrowed from Farsi. The Thai Farang has a place

# Industri kreatif dapat sokongan padu

**INDUSTRI** kreatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), khususnya e-permainan (Esports) dan animasi, telah mendapat sokongan padu daripada kerajaan di celah-celah kemelut pandemik COVID-19 yang melanda tahun ini.

Kerajaan telah memperuntukkan RM225 juta untuk industri seni, budaya, hiburan dan penganjuran acara di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), termasuk pinjaman mudah RM100 juta dan geran RM30 juta untuk industri kreatif, penganjuran acara dan pameran di bawah MyCreative Ventures.

Langkah-langkah itu turut merangkumi peruntukan RM10 juta di bawah Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA).

Ketua Kandungan Kreatif Digital Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), Mohan Low berkata permintaan untuk kandungan digital global tetap kukuh pada tahun 2020.

"Ini berikutkan langkah penguatkuasaan sekatan pergerakan yang kemungkinan berlanjut sehingga menghampiri 2021," katanya kepada Bernama.

Menurut laporan PricewaterhouseCoopers yang dikeluarkan pada November 2020, pendapatan hiburan dan media global dijunjuk mampu mengharungi gangguan COVID-19 yang datang secara tiba-tiba itu.

Bagi sektor hiburan dan media - termasuk perkhidmatan media striming over-the-top (OTT), animasi, pengembangan permainan dan semua kandungan digital yang berkaitan - pendapatan global untuk sektor ini dijangka menccecah AS\$2.2 trilion pada 2021.

Menyentuh mengenai sektor permainan digital pula, penyelidikan pasaran terbaru pada



bulan November 2020 oleh Newzoo, sebuah organisasi penyelidikan pasaran industri, mendedahkan bahawa pasaran global akan berkembang sebanyak 19.6 peratus kepada US\$174.9 bilion tahun ini.

"Angka ini US\$15.6 bilion lebih tinggi daripada unjuran sebelumnya, nilai asal yang diramalkan pada awal tahun ketika bermulanya pandemik.

"Perbelanjaan modal industri kreatif pada umumnya lebih rendah kalau dibandingkan dengan ekonomi keseluruhan, kerana sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk bakat

dan pengambilan pekerja, termasuk latihan kemahiran dan pekerja dan bayaran gaji," kata Low.

Malaysia adalah peserta serantau yang mantap berikutkan sokongan legasi industri dan kerajaan, kata beliau.

"Infrastruktur perniagaan dan kreatif ini dibangun berdasarkan industri animasi yang berjaya mengeluarkan harta intelek global (IP) asli, yang telah mencipta generasi pembangun kandungan yang mahir dalam konsep pra-produksi, penceritaan dan pengembangan produksi," kata beliau.

Tambahan pula, IP dikembangkan berdasarkan budaya atau berlatar belakang tempatan seperti kawasan luar bandar Malaysia (The Kampung Boy dan Upin & Ipin) atau kehidupan pinggir bandar Asia Tenggara (Boboiboy), yang semuanya mempunyai kisah dan watak yang unik dan asli berdasarkan tradisi dan budaya Malaysia dan Asia Tenggara.

Pada tahun 2019, IP animasi Malaysia menguasai box-office dengan "Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal", "Boboiboy Movie 2", dan "Ejen Ali: The Movie" menjadi tiga filem terbesar tahun ini, dengan gabungan pungutan melebihi RM90 juta.

"Filem Upin & Ipin yang baru juga berjaya ke Senarai Pendek Anugerah Akademi 2019 untuk Animasi Terbaik," katanya.

Low berkata industri kreatif digital tempatan disokong kuat oleh kerajaan Malaysia, dengan hasil dan keputusan cemerlang seperti yang dapat dilihat menerusi pencapaian industri ini.

Menurut analisis MDEC sendiri, pendapatan melalui IP animasi sahaja kini mencecah RM170 juta, dengan lebih dari 60 IP mempunyai jangkauan 120 negara seluruh dunia.

Malaysia turut mempunyai tapak yang kukuh dalam permainan video blockbuster global, seni permainan dan pengembangan bersama IP permainan pemenang anugerah dan terkenal dunia seperti Street Fighter V, Gears of War 5 dan Marvel's Spider-Man.

"Kesemua ini telah melonjakkan kemampuan studio Malaysia dan berulang kali membuktikan bahawa mereka berdaya saing di peringkat global dan yang pertama digunakan oleh banyak penerbit dan pembangun AAA," kata Low.-BERNAMA

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi : **06 - 286 5120**  
Isrin hingga Jumaat (9:00 pagi - 5:00 petang)  
E-mel: wiramagr@gmail.com

**Kemudahan**

- Surau
- Gimnasio
- Tadika
- Tarika
- Taman Permainan
- Dewan Komuniti
- Bilik Dobi

**Pelan Lantai**

Jenis A (Tengah)	: 1,000 <sup>sqft</sup> (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A2 (Hujung)	: 1,000 <sup>sqft</sup> (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)
Jenis A1 (Tengah)	: 1,000 <sup>sqft</sup> (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)	Jenis A3 (Hujung)	: 1,000 <sup>sqft</sup> (3 Bilik Tidur, 2 Bilik Air)

**TYPE BI**  
3 Bedrooms  
2 Bathrooms  
1,000 sq.ft

**TYPE CI**  
3 Bedrooms  
2 Bathrooms  
1,000 sq.ft

**RESIDENSI**  
**Bukit Katil**  
Pegangan Bebas | Tanah Adat Melaka

## NIKMATI GAYA HIDUP LENKAP DAN KONDUSIF SERTA PERSEKITARAN LESTARI

Residensi @ BUKIT KATIL merupakan sebuah nadi pembangunan baru di Bukit Katil, Melaka yang dilengkapi pelbagai fasiliti serba moden dalam persekitaran kondusif dan terletak di lokasi yang strategik. Residensi ini juga behampiran pelbagai prasarana pembangunan seperti sekolah, hospital dan pusat komersial

NO. LESEN PEMAJU : 14169-45/01-2021/01433 (L)  
TEMPOH SAH : 16/1/2020 - 15/01/2021

NO. PERMIT IKLAN & JUALAN : 14169-45/01-2021/01433 (P)  
TEMPOH SAH : 16/1/2020 - 15/01/2021

NAMA PIHAK BERKUSA : MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH  
NO: KELULUSAN PELAN BANGUNAN : MBMB/JKB/03011/2016

PEGANGAN TANAH : MCL

# Martabat silat Melayu wajib dipertahankan!

Liana Sahabudin

SEBUT sahaja tentang silat, umum mengetahui ia adalah seni mempertahankan diri ulung bangsa Melayu yang gah di bumi Nusantara serta seantero dunia.

Ditambah pula, kisah kegagahan Laksamana Hang Tuah dalam dunia persilatan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka satu ketika dahulu, sudah cukup menceritakan dunia persilatan mencerminkan kegemilangan tamadun Melayu.

Pada zaman moden hari ini, kita harus akui bahawa lambakan pelbagai budaya 'baharu' membabitkan teknologi serta gaya hidup moden, sedikit sebanyak mempengaruhi kehidupan sehari-hari manusia, termasuklah diri kita sendiri.

Ternyata ia memberi kesan mendalam buat seni silat kerana pada waktu ini, kerana untuk memastikan legasi seni silat ini terus hidup untuk jangka masa panjang, barisan pelapis amat diperlukan dan semestinya barisan pelapis itu terdiri daripada golongan muda amnya.

Bak kata Hang Tuah, 'Takkan Melayu hilang di dunia', begitu juga dengan silat, namun jika kita sendiri mengambil sikap yang enteng terhadap 'survival' seni silat ini, maka segalanya akan hilang, termasuklah 'aura' gah budaya Melayu keseluruhannya.

## PULIHARA SILAT MELAYU

Pada 12 Disember lepas, Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Seri Setia (Dr.) Mohd. Ali Mohd. Rustam menyeru semua pihak sama ada daripada warga persilatan mahu pun rakyat di negara ini agar terus memelihara seni mempertahankan diri iaitu silat Melayu sebagai budaya bangsa dengan lebih baik.

Malah beliau menerangkan, kejayaan seni silat Melayu adalah pemangkin kepada perjuangan, pengorbanan dan kejayaan pada masa hadapan justeru pelbagai aktiviti persilatan di peringkat akar umbi harus dipelihara dan diwarisi oleh anak cucu kita.

"Apabila Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) mengiktiraf silat Melayu disenaraikan di bawah kategori Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity pada 12 Disember tahun lalu, justeru semua pihak mestilah membantu mengekalkan budaya bangsa ini terus mendapat tempat di persada dunia.



GOLONGAN belia perlu didedahkan dengan seni silat bagi memastikan survival silat dapat dipertahankan. (Foto Sumber Internet)

SENI silat merupakan seni mempertahankan diri ulung bangsa Melayu yang gah di bumi Nusantara serta seantero dunia. (Foto Sumber Internet)

"Bukan mudah silat untuk mendapat pengiktirafan daripada UNESCO kerana usaha kita melalui Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) kerana pengiktirafan ini telah memartabatkan warisan budaya bangsa kita di seluruh pelosok dunia," ujarnya selepas majlis penyerahan sijil pengiktirafan silat sebagai Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity UNESCO di pejabat Yang di-Pertua Negeri Melaka, Seri Negeri baru-baru ini.

## RELEVANNYA SILAT SEBAGAI BENTENG PERTAHANAN NEGARA

Mohd Ali yang juga bekas Presiden PESAKA selama lebih 13 tahun turut menyeru agar orang-orang silat di seluruh negara memainkan peranan penting sebagai benteng pertahanan negara selain mengembalikan zaman kegemilangan persilatan Melayu seperti mana di bumi Melaka yang lahirnya pahlawan seperti Hang Tuah dan lima bersaudara.

"Saya sendiri memberi sokongan yang penuh dalam apa juga usaha murni bagi mengangkat martabat silat di negara ini dan saya juga mahu guru-guru silat meneruskan perjuangan mendidik anak bangsa mempertahankan seni budaya bangsa ini," ujarnya.

Sementara itu, usaha gigih Mohd. Ali sejak 2010 ketika itu sebagai Presiden PESAKA akhirnya mesyuarat UNESCO di Bogota, Colombia dari 9 hingga 14 Disember lalu mengiktiraf silat sebagai Representative List of the Intangible Cultural Heritage of Humanity.

## MAHU JADIKAN SILAT KURIKULUM WAJIB SEKOLAH

Bagi Setiausaha Agung PESAKA Malaysia, Datuk Wira Megat Zulkarnain Tan Sri Omardin, beliau menyarankan supaya silat menjadi kurikulum wajib di setiap sekolah.

Menurutnya, usaha itu bagi memperjuangkan seni silat yang menjadi warisan mutlak Malaysia.

"Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) telah mengiktiraf silat sebagai warisan tidak ketara dunia Malaysia.

"Maka tidak ada halangan untuk kita jadikannya sebagai satu kurikulum wajib kepada semua pelajar-pelajar di sekolah," katanya.

Jelasnya, pihaknya pernah mengadakan perjanjian bersama kementerian bagi mengadakan program satu sekolah satu silat dan program ianya telah berjalan.

"Cuma peringkat kedua kita nak bincang ialah silat diangkat sebagai kurikulum wajib, dalam masa sama boleh adakan seni pertahankan diri," jelasnya.

## SASAR SILAT DITERIMA KE SUKAN OLIMPIK 2032

Megat Zulkarnain berkata, PESAKA juga meletakkan sasaran supaya silat dimasukkan sebagai salah satu acara dalam temasya Sukan Olimpik pada 2032.

"Sasaran PESAKA berdasarkan kepada sokongan yang diterima daripada 90 ahli Persekutuan Silat Dunia dan perancangan memastikan silat diterima ke Sukan Olimpik kini sedang dirangka.

"Selain pelan yang dirancang, satu lagi usaha sedang giat dijalankan untuk menjadikan acara silat sebagai acara demonstrasi di Sukan Olimpik 2024 di Perancis," katanya.

Jelasnya, hasil perbincangan awal dengan Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC) sebelum ini, secara keseluruhannya mereka memberikan maklum balas positif.

"Jika cadangan ini diterima sudah pasti laluan silat untuk dipertandingkan pada 2032 semakin cerah."

"Kita yakin kriteria utama yang ditetapkan IOC mampu dipenuhi antaranya silat dimainkan di lima benua selain paling kurang 65 buah negara telah menjadikan silat sebagai salah satu acara sukan di negara masing-masing," katanya.

Katanya, ia adalah sebahagian daripada kriteria penting yang dilihat IOC sebelum sukan baru itu dimasukkan dalam acara di temasya yang dianjurkan empat tahun sekali itu.

"Silat pada hari ini sudah berkembang di lima benua, kita mempunyai lebih 90 ahli Persekutuan Silat Dunia yang juga mempunyai pertubuhan persekutuan silat di negara masing-masing.

"Setakat ini sokongan yang diterima daripada negara anggota silat dunia sangat menggalakkan, mereka tidak putus-putus menyokong usaha ke arah seni mempertahankan diri itu diterima ke Sukan Olimpik 2032," katanya lagi.

Tegasnya, usaha yang tinggal kini adalah bagaimana untuk melobi agar IOC serta negara anggota dapat menerima silat untuk dimasukkan dalam temasya Sukan Olimpik yang disaraskan pada 2032.



MOHD Ali (tiga dari kanan) menyerahkan sijil pengiktirafan kepada Timbalan Presiden PESAKA, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah (tiga dari kiri) sambil diperhatikan Setiausaha Agung PESAKA, Datuk Megat Zulkarnain Omardin (dua dari kiri) pada majlis penyerahan sijil pengiktirafan silat sebagai "Representative List Of The Intangible Cultural Heritage Of The Humanity" UNESCO di Pejabat Tuan Yang Terutama, Seri Negeri, baru-baru ini. (Foto: MR. Azli)



# BANCI MALAYSIA

## “Data Anda Masa Depan Kita”



Dalam Talian  
 Bersemuka



Scan QR Code  
Untuk Jawab Banci



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



@MyCensus2020  
@StatsMalaysia



1800 88 7720

# Penghantar makanan e-hailing diminta carum SKSPS

Saliawati Salberi

AYER KEROH - Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Melaka menyeru penghantar makanan melalui perkhidmatan e-hailing di negeri ini supaya membuat caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

Pengaruhnya, Abd Razak Omar berkata, di bawah skim caruman itu sebanyak 70 peratus subsidi diberikan PERKESO dan pencarum iaitu penghantar makanan hanya



ABD Razak

perlu mencarum 30 peratus sahaja.

"Setakat ini sambutan agak tinggi apabila kira-kira 150 orang penghantar makanan sudah mendaftar berbanding hanya 97 orang sebelum ini.

"Bagaimanapun, saya menyeru agar lebih ramai yang tampil mendaftar dan jelaskan 30 peratus jumlah caruman itu kerana di Melaka kita mempunyai lebih 500 penghantar makanan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata pihaknya menyambut baik

inisiatif kerajaan negeri apabila Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengumumkan bantuan caruman PERKESO buat penarik beca dan pemandu teksi di Melaka pada Belanjawan Melaka 2021.

"Kita baru dapat bayaran dua bulan lepas dan mulai tarikh itu mereka akan dilindungi selepas amat berharap penarik beca dan pemandu teksi ini akan memperbaharui dari semasa ke semasa kerana jumlahnya tidak besar hanya RM13 sebulan," katanya.

**Kawal pendemik, barisan hadapan wajar dihargai - Rahim**



RAHIM menyampaikan cenderahati sebagai tanda penghargaan kepada salah seorang petugas barisan hadapan.

Afieza Arshad

AYER KEROH - Pengerusi Gagasan Ekonomi Melayu Malaysia (GABEM), Tan Sri Dr Abdul Rahim Tamby Chik merakamkan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus menangani pandemik COVID-19 yang masih berlaku.

Katanya, penularan virus berbahaya yang menyerang seluruh negara mampu ditangani dengan baik antara peranan dan hasil kerja keras barisan hadapan yang bertugas tanpa henti.

Jasa dan pengorbanan 'frontliners' kepada seluruh rakyat dengan membantu mengawal pergerakan bersyarat dan mengekalkan prosedur operasi standard (SOP) juga sangat berkesan.

"Kita sama-sama berdoa agar berlaku keajiban dengan penurunan kes yang semakin mengecil, namun dalam masa sama semua pihak hendaklah bekerjasama mematuhi arahan kerajaan bagi mengurangkan jangkitan wabak ini," katanya.

Rahim berkata demikian semasa berucap dalam Majlis Meraikan Petugas Barisan Hadapan & Makan Tengah Hari di sebuah hotel, dekat sini, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Muhd Firdaus Azharuddin, Pengarah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha (TEKUN) Melaka, Anuar Abu Zarir dan Pengarah Unit Hal Ehwal Antarabangsa & Komunikasi Korporat Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Rusli Jaafar.

Turut hadir Pengarah RELA Melaka, Razali Ahmad, Timbalan Pengarah Bomba Melaka, Raja Saiful Iswandy Raja Hassan dan Pengarah Hospital Melaka, Dr Zaharimah Abdul Kadir.

Majlis tersebut diadakan bagi menghargai jasa dan bakti petugas-petugas barisan hadapan yang telah berkhidmat dalam usaha memerangi pandemik.

Seramai 70 anggota diraikan pada majlis tersebut dan Rahim turut menyifatkan petugas barisan hadapan sebagai wira serta wirawati negara yang sangat berdedikasi kerana sanggup mengeneplikan kepentingan peribadi sejak dari awal wabak ini dikesan.

"Saya berbesar hati dan berhasrat menyampaikan settinggi-inggi penghargaan atas kerja keras dan sumbangan yang mereka laksanakan demi mengekang wabak ini merebak."

"Ini satu pengorbanan yang amat luar biasa dan mereka sanggup mengambil risiko yang tidak semua orang mampu hadapi, dan ini adalah sesuatu yang sangat kita kagumi," katanya lagi.

## MGBM perkukuh jalinan kerjasama bersama PENDIKA

Farah Suhaidah Othman

TELOK MAS - Jalinan kerjasama antara pengamal media Melaka dan Majlis Gabungan Belia Melaka (MGBM) terus dipererat supaya memastikan program pembangunan termasuk suara dan pandangan belia diuarkan kepada masyarakat.

Presiden MGBM, Mohd Ridhwan Mohd Ali berkata, lebih 16 pertubuhan belia diselaras di bawah MGBM memerlukan sokongan daripada semua lapisan masyarakat bagi membangunkan pelbagai program kemasyarakatan membabitkan golongan anak muda.

Justeru katanya, hubungan baik bersama Kelab Pengamal Media Melaka (PENDIKA) mampu membawa suara dan pendapat golongan belia itu supaya gabungan itu kekal relevan di negeri ini.

"Sudah tentu, banyak program belia yang dirancang dan ia perlu diuarkan kepada masyarakat, sebab itu kita menjalin hubungan baik bersama PENDIKA supaya membantu gabungan ini untuk menyalurkannya kepada masyarakat.



MOHD Ridhwan menyampaikan cenderahati kepada Amir pada majlis makan malam MGBM bersama PENDIKA di Restoran Ikan Bakar Parameswara di Umbai, baru-baru ini.

“Semoga apa yang dirintiskan pada hari ini akan menjadi kekuatan kepada hubungan silaturrahim antara belia dan media Melaka.”

“Semoga apa yang dirintiskan pada hari ini akan menjadi kekuatan kepada hubungan silaturrahim antara belia dan media Melaka.

“Dengan cara itu, masyarakat lebih menghargai peranan belia,” katanya ketika berucapa pada majlis makan malam MGBM bersama PENDIKA di Restoran Ikan Bakar Parameswara di Umbai, di sini.

Hadir sama, Pengurus PENDIKA, Amir Mamat dan Timbalannya, Baharudin Mohamed.

Sementara itu, Amir yakin, hubungan terjalin akan memperkuatkan peranan media dalam menyalurkan maklumat dan suara belia kepada masyarakat.

“Kita memperkuatkan lagi menerusi pelbagai program yang dilakukan MGBM supaya memastikan ukhuwah yang dibina diteruskan sehingga hari kiamat,” katanya.



ANTARA ahli PENDIKA yang hadir dalam majlis tersebut.



# CHRISTMAS GAMES

## BINGO

25 DECEMBER 2020

**Mystery gifts giveaway for the 10 fastest players to complete BINGO.**

25 December 2020  
Friday | 2:00pm-4:00pm  
West Concourse

\*Terms and Conditions apply

**Prizes**

- 1st – KAPPA Bag
- 2nd – New Market Exclusive Hamper
- 3rd – Bath & Body Work set
- 10 Cons. – Special Gifts



# HUNTING REINDEER

26 DECEMBER 2020

**Stand a chance to win 2D/1N stay at Hatten Hotel by hunting reindeers @ DPMM this christmas.**

26 December 2020  
Saturday | 2:00pm-4:00pm  
West Concourse

\*Terms and Conditions apply

**Scan to register**

Register By 20 December 2020;  
6:00pm



Organized by



Partnership with



# Safiq kembali ke pangkuhan JDT?

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

BEKAS kapten Melaka United, Safiq Rahim dikhabarkan bakal kembali menyertai kelab Johor Darul Ta'zim (JDT) musim depan.

Perkara itu dimaklumkan sumber rapat dengan pemain berusia 33 tahun itu selepas mengadakan pertemuan dan berbincang hala tuju masa depan pemain itu, baru-baru ini.

Bagaimanapun, sumber itu tidak dapat memberikan kepastian sama ada Safiq bakal menyarung jersi untuk skuad utama atau pun skuad feeder, JDT II.

"Dia hanya menyebut akan bermain

untuk JDT musim depan. Tidak dapat dipastikan sama ada bermain untuk JDT di Liga Super atau JDT II di Liga Premier.

"Menurutnya, semua proses sudah sellesai dan hanya menunggu masa untuk diumumkan kembali ke pangkuhan JDT," katanya.

Terdahulu, Melaka United FC, mengumumkan Safiq menjadi antara nama yang tidak akan disambung kontrak bersama skuad Hang Tuah musim depan.

Perkara itu disahkan Ketua Pegawai Eksekutif Melaka United FC Datuk Mohd Saiful Mat Sapri yang menyifatkan pasukan memerlukan muka baharu untuk mengemudi

jentera tengah pasukan.

Safiq, anak kelahiran Selangor menyertai Melaka United pada musim 2019 lalu setelah dipinjamkan juara Liga Super, JDT, sebelum kontraknya disambung untuk semusim lagi bagi menghadapi saingan musim 2020.

Sebelum ini, laporan media turut menyebut, bekas pemain kebangsaan itu juga sedang berkira-kira untuk menjadi pemilik sebuah pasukan yang beraksi dalam saingan Liga M3.

Namun, sehingga kini masih belum ada sebarang pengumuman berhubung perkara tersebut.



**SAFIQ**  
bakal kembali  
ke pangkuhan  
JDT selepas  
dua musim  
bersama  
Melaka United.

## Semai gaya hidup sihat bersama TYT

BAGI menyemai gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat negeri ini Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia (Dr.) Mohd Ali Mohd Rustam telah berbesar hati menyertai program joging bersama rakyat bertempat di Taman Rekreasi Satu Krubong, baru-baru ini.

Program anjuran Majlis Sukan Negeri Melaka (MSNM) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan Negeri Melaka (JBNS) dan Melaka Youth Development Corporation (MYDC) itu telah disertai seramai kira-kira 200 peserta yang turut melibatkan pelbagai aktiviti riadah seperti joging, senamrobik dan pelbagai aktiviti sukan lain.

Menariknya program dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) itu turut diserikan dengan upacara pelepasan itik dan menanam pokok oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Mohd Ali.

Selain itu, beliau turut menyempurnakan gimik perasmian dengan menandatangani plak di taman rekreasi tersebut.

Hadir sama, Pengerusi Jawatankuasa NGO, Pembangunan Belia dan Sukan negeri, Datuk Mohd Rafiq Naizamohi-

deen dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Datuk Zainal Abu.

Mohd Rafiq selaku pengajur bersama dalam ucapannya berharap keprihatinan TYT berkaitan aktiviti riadah dan sukan dapat menjadi pendorong kepada rakyat negeri ini untuk mengamalkan gaya hidup sihat.

"Kehadiran TYT pada program ini jelas menunjukkan betapa prihatinnya Tun dalam terhadap program atau aktiviti sukan. Inilah sebenarnya harapan seluruh rakyat Negeri Melaka, lebih-lebih lagi generasi belia yang rata-rata berminat dalam aktiviti riadah dan sukan."

"Diharap pengajuran program-program seperti ini dengan kerap dapat menjadikan sukan dan riadah sebagai wahana kekeluargaan, selain sebagai kaedah paling berkesan dalam usaha merapatkan hubungan mesra pemimpin dengan rakyat."

"Ia juga diharap dapat menanam kesedaran akan kepentingan aspek penjagaan kesihatan melalui penglibat aktif masyarakat dalam pelbagai aktiviti sukan dan ke arah penetapan 'Masyarakat Berbudaya Sukan', katanya.



**MOHD Ali menerima cederahati daripada Mohd Rafiq selepas menyertai program Joging Bersama TYT di Taman Rekreasi Satu Krubong.**

## PBNP masih tunggu keputusan FIFA

PERSATUAN Bola Sepak Negeri Pahang (PBNP) masih menunggu keputusan daripada Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA), berhubung status pemain naturalisasi negara Mohamadou Sumareh, yang bertindak menamatkan kontrak dengan pasukan berkenaan pada musim ini kerana mendakwa tidak dibayar gaji.

Pengurus Pahang Datuk Mohammed Suffian Awang berkata, mereka menghormati saranan Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), yang meminta mereka menggunakan prosedur terbaik bagi mendapatkan keputusan berhubung isu Sumareh.

'Kita cari titik penyelesaian terbaik untuk kedua-dua pihak (PBNP dan Sumareh), kita tidak mahu kemelut ini berlaku lagi (sehingga) menjadi satu fenomena yang besar dalam

negara sebab isu Sumareh, katanya kepada Bernama, baru-baru ini.

Sumareh yang kini beraksi dengan kelab Liga Thailand, Police Tero FC sebelum ini, mengambil keputusan mengaktifkan klausa Artikel 8.7 di bawah seksyen kontrak pemain, kerana mendakwa PBNP masih berhutang dengannya, dan memutuskan untuk membuat aduan rasmi kepada FIFA berhubung isu berkenaan.

Dalam perkembangan berasingan, Mohammed Suffian menafikan dakwaan bekas pemain pertahanan pasukan berkenaan Ivan Carlos, bahawa PBNP masih berhutang dengan pemain kelahiran Brazil itu.

Sebaliknya, Mohammed Suffian menjelaskan isu berkenaan menjadi rumit disebabkan Carlos meminta PBNP menjelaskan pembayaran gaji menerusi cek luar negara, yang men-

gambil masa untuk diterima oleh pemain berkenaan yang sebelum itu mengambil keputusan kembali ke Brazil, selepas berakhirnya saingan Liga Malaysia pada musim ini.

Baru-baru ini, Carlos menerusi laman Instagramnya mendakwa PBNP masih belum melunaskan tunggakan gajinya, sekali gus menyebabkan beliau mengambil keputusan meninggalkan pasukan berkenaan.

Sementara itu, Mohammed Suffian mengesahkan PBNP berada di peringkat akhir untuk memuktamadkan jurulatih baharu yang bakal membimbing pasukan berkenaan, yang bakal dikenali dengan nama Sri Pahang FC bagi saingan Liga Malaysia (Liga-M) 2021.

Mohammed Suffian mendakwa antara jurulatih asing berada dalam radar pasukan berkenaan ada-

lah dari Portugal, Jerman dan Sepanyol, namun menegaskan kriteria utama pemilihan bakal jurulatih pasukan berkenaan adalah, mesti mempunyai pengetahuan mengenai bola sepak rantau ASEAN.

Beliau pada masa sama turut mengesahkan bekas jurulatih pasukan itu Dollah Salleh, masih kekal bersama mereka pada musim hadapan, namun masih belum menentukan tugas sebenar Dollah.

Mohammed Suffian turut mengesahkan PBNP masih memburu khidmat dua pemain asing yang bakal mengisi kuota pemain Asia dan ASEAN.

Pahang mengekalkan khidmat Herold Goulon dari Perancis bagi saingan Liga-M 2021, selain turut mengambil khidmat bekas pemain import Terengganu FC Lee Andrew Tuck dari England, dan pemain Argentina Sergio Ague-ro, yang beraksi bersama pasukan Kuala Lumpur

Rovers dalam saingan Liga M3 pada musim ini.  
- BERNAMA



## MPM cadang anjur kejohanan maya paralimpik

MAJLIS Paralimpik Malaysia (MPM) merancang untuk menganjurkan kejohanan secara maya untuk atlet paralimpik negara bagi mengisi ketidaan sebarang aktiviti dan kejohanan sukan susulan penularan pandemik COVID-19.

Presidennya Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin berkata, perkara itu meru-

pakan antara agenda yang perlu dilakukan dalam usaha memastikan prestasi atlet tidak terjejas sepanjang tempoh ini.

Beliau bagaimanapun maklumkan perlunya diwujudkan satu mekanisme khas sebelum mengajur sebarang kejohanan maya atau secara dalam talian bagi mengelak-

kan berlakunya sebarang masalah yang boleh memberi kesan kepada pengajurannya di kemudian hari.

"Bila tiada pertandingan, prestasi atlet akan jatuh. Jadi sebab itulah kita di MPM memberi fokus dan penekanan kepada kejohanan secara maya.

"Tapi walau apa pun,

untuk anjur kejohanan maya melibatkan negara-negara, kita terlebih dahulu perlu ada kelengkapan khas untuk pengajuran ini.

"Kelengkapan itu termasuklah dari segi peralatan, garis panduan dan prosedur operasi standard (SOP) yang khusus agar ia tidak jadi carca marba nanti," katanya.

Shariman percaya ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban atlet serta bekas atlet paralimpik yang terkesan sepanjang penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Dalam program itu, seramai 40 atlet dan bekas atlet paralimpik Negeri Melaka menerima barang keperluan asas yang disumbangkan gedung pakaian terkemuka negara, Jakel.

Mengulas mengenai sumbangan tersebut, Megat D

Shariman percaya ia sedikit sebanyak dapat meringankan beban atlet serta bekas atlet paralimpik yang terkesan sepanjang penularan pandemik COVID-19 yang melanda dunia.

Menurutnya lagi, program penyampaian sumbangan itu akan diperluas ke negeri-negeri lain dalam Malaysia dalam usaha menjaga kebijakan serta memastikan tiada atlet yang terpinggir sepanjang tempoh-tempoh sukar ini.



## SIRIH PULANG KE GAGANG?

DESAS-desus mengenai hala tuju masa depan bekas kapten Melaka United, Safiq Rahim masih belum terjawab, namun dia dikhabarkan bakal kembali menyertai kelab JDT musim depan. Tetapi ada juga khabar angin mengatakan Safiq sedang berkira-kira untuk menjadi pemilik sebuah pasukan yang beraksi dalam saingan Liga M3. [Berita penuh di Muka 23](#)



**Semai gaya hidup  
sihat bersama TYT**

MS23

## PBNP masih tunggu keputusan FIFA

MS23



## MPM cadang anjur kejohanan maya paralimpik

MS23

